

قَتِيقَن تَيْتَه

PETIKAN TITAH

“TANDA kita bersyukur itu, ialah dengan melafazkan takbir dan tahmid, sebaik-baik sahaja diumumkan permulaan menyambut Hari Raya, dan pada keesokan paginya pula adalah lebih meriah lagi lafaz-lafaz suci itu dikumandangkan di masjid-masjid dan surau-suru di seluruh negara.”

- Titah Sempena Hari Raya Aidilfitri Tahun 1433 Hijrah / 2012 Masihi.



Pelita BRUNEI

كَلْبَرِي نِي سَا
Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

مانيسن ايمان

MANISNYA IMAN

“SESUNGGUHNYA orang yang tidak ada apa-apa di dalam hatinya sedikit pun daripada Al-Qur'an adalah umpama sebuah rumah buruk yang binasa (tidak berhias).”
- (Riwayatkan oleh Imam at-Tirmidzi daripada Ibnu Abbas Radhiallahu 'anhuma bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda).

TAHUN 59 / BILANGAN 95

30 JULAI 2014 / 1435 شوال 2

JABATAN PENERANGAN

EDISI RABU / PERCUMA



Daripada: Pegawai dan Kakitangan Jabatan Penerangan dan Jabatan Percetakan Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri

Kongsi kegembiraan Hari Raya bersama pembesar negara



MESRA...Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap dan junjung ziarah para diplomat asing ke negara ini sempena Sambutan Hari Raya Aidilfitri 1435 Hijriah (kiri), sementara gambar kanan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan beramah mesra bersama isteri pembesar negara dan isteri diplomat asing sempena dengan sambutan tersebut. Juga kelihatan berangkat pada majlis itu ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Wakeel dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Ameerah Wardatul Bolkiah. Majlis berlangsung di Istana Nurul Iman. - Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah dan Hernie Suliana Haji Othman. (Lagi berita dan gambar-gambar dimuatkan ke muka 12 dan 13).

Jangan membelakangi ugama

Oleh : Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor,
Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Masri Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin 28 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah, kita dalam semua aspek kehidupan tidak akan membelakangi ugama, tetapi sebaliknya meletakkannya paling hadapan sebagai suluh dan panduan.

“Beta percaya, ini adalah tuah Brunei, berkat ianya sentiasa dikemudi dengan ugama. Kita dalam semua aspek kehidupan tidak akan membelakangi ugama, tetapi sebaliknya meletakkannya paling hadapan sebagai suluh dan panduan,” tegas baginda dalam Titah Perutusan Sempena

Hari Raya Aidilfitri Tahun 1435 Hijriah / 2014 Masihi yang disiarkan melalui Radio dan Televisyen Brunei.

Dalam titah baginda, ugama itu tidak pernah salah, tetapi yang salah itu ialah kita sendiri, bila mana kita memilih yang lain dari ugama.

Dalam konteks ini, titah baginda, pastikan kita ini akan kekal dengan ugama. Dalam menjalani kehidupan harian dengan ugama. Dalam membangun dengan ugama. Dalam mentadbir dengan ugama, bahkan semua urusan kita dengan ugama.

Dengan meletakkan ugama paling hadapan kita telah menikmati kehidupan yang sihat dan rezeki luas, kita juga menikmati keamanan dan kesejahteraan yang berterusan. Dua nikmat yang bernama keamanan dan kesejahteraan ini, titah baginda adalah lebih sukar untuk memperolehnya berbanding yang lain-lain.

Ke muka 24

Kibar bendera kebangsaan mulai 1 Ogos 2014

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 28 Julai.- Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-68 Tahun, seluruh rakyat dan penduduk di negara ini diminta untuk mengibarkan bendera di rumah-rumah kediaman dan bangunan-bangunan pejabat dan perniagaan mulai hari Jumaat, 1 Ogos hingga hari Ahad, 31 Ogos 2014.

Pengiran-Pengiran hendaklah mengibarkan bendera peribadi, orang-orang yang dikurniakan gelaran hendaklah mengibarkan bendera masing-masing dan bagi orang ramai hendaklah mengibarkan bendera Negara Brunei Darussalam.

Letakkan ugama paling hadapan sebagai suluh dan panduan

Assalamu'alaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillaahir Rahmaanir
Raheem

Alhamdulillah Rabbil
'Alameen, Wabihiee
Nasta'eenu 'Alaa
Umuuriddunya Wadden,
Wassalaatu'
Wassalaamu 'Ala Asyarafil
Mursaleen, Sayyidina
Muhammaddin,
Wa'ala Aalihee
Wasahbihee Ajma'een,
Waba'du

Allahuakhbar, Allahuakhbar,
Allahuakhbar, Walillahilhamd.
Setinggi-tinggi syukur kita
rafakan ke hadirat Allah
Subhanahu Wata'ala kerana
mengurniakan nikmat sihat dan
nikmat rezeki luas, sehingga
dengan kurnia itu dapatlah kita
menunaikan ibadat puasa dengan
sempurna.

Di samping nikmat sihat dan
rezeki luas, kita juga menikmati
keamanan dan kesejahteraan yang
berterusan.

Dua nikmat yang bernama
keamanan dan kesejahteraan ini,
pada hemat beta, adalah lebih
sukar untuk memperolehinya
berbanding yang lain-lain.

Ini dapat dikesan daripada
keadaan-keadaan yang ada,
di mana di seluruh pelusuk
dunia ini, telah sedia



TITAH Perutusan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Sempena Hari Raya Aidilfitri Tahun 1435 Hijriah / 2014 Masihi.

wujud kejadian-kejadian yang
menggugat keamanan dan
kesejahteraan itu.

Selain daripada fenomena alam
yang datang bertali arus, juga
krisis-krisis dalaman yang
mencetuskan pelbagai kekacauan,
sangat berpotensi untuk
menghancurkan keamanan dan
kesejahteraan itu.

Apatah lagi jika di dalam
sebuah negara itu sedang
bersarang gejala sosial, terutama
sekali gejala jenayah, maka
tidak syak lagi, ia akan menjadi
ancaman kepada keselamatan,
keamanan dan bahkan nyawa.

Alhamdulillah, di negara kita
perkara-perkara ini tidaklah
berlaku. Tiada sesuatu pun yang
boleh dianggap mengganggu
keamanan. Semuanya adalah
berjalan dengan baik belaka,
dengan rakyat pula sentiasa
bersatu padu tanpa sebarang
pertelagahan.

Beta percaya, ini adalah tuah
Brunei, berkat ianya sentiasa
dikemudi dengan ugama. Kita
dalam semua aspek kehidupan
tidak akan membelakangi ugama,
tetapi sebaliknya meletakkannya
paling hadapan sebagai suluh
dan panduan.

Adalah ugama itu tidak pernah
salah, tetapi yang salah itu ialah

kita sendiri, bila mana kita
memilih yang lain dari ugama.

Oleh itu, pastikan kita ini
akan kekal dengan ugama.
Dalam menjalani kehidupan
harian dengan ugama. Dalam
membangun dengan ugama.
Dalam mentadbir dengan ugama,
bahkan semua urusan kita
dengan ugama.

Jika semuanya itu dengan
ugama, maka sudah pasti tidak
akan ada lagi satu ruang pun
untuk diisi atau ditempati oleh
keburukan.

Bukankah suasana tidak aman
atau huru-hara atau kacau-bilau
atau jenayah itu satu keburukan?

Semuanya ini, oleh ugama,
adalah tidak dibenarkan berlaku,
malah mesti diatasi atau dicegah
daripada berlaku.

Kewajipan kita, selaku siapa
yang dikurniakan dengan nikmat
keamanan dan kesejahteraan
itu ialah bersyukur dan
terus bersyukur, serta sambil
berazam untuk memelihara
dan mempertahankannya sampai
bila-bila.

Ia adalah aset untuk dinikmati,
bukan saja oleh kita pada hari ini,
malahan juga oleh generasi akan
datang sambung-bersambung.
Kerana tanpa keamanan dan
kesejahteraan, hidup akan
hambar dan tidak mungkin untuk
mengecap kebahagiaan.

Adalah tidak adil rasanya,
jika kita sendiri saja yang
asyik menikmati keadaan aman
dan sejahtera itu, sedangkan
saudara-saudara kita di luar
sana ada yang tidak dapat
menikmatinya, kerana negara
merek sedang mengalami
pelbagai kekacauan ataupun
peperangan atau bencana yang
datang dengan tiba-tiba.

Kepada mereka itu, kita
hulurkan simpati yang mendalam
serta doa, semoga situasi akan
segera bertukar kepada yang
lebih baik hendaknya.

Allahuakhbar, Allahuakhbar,
Allahuakhbar, Walillahilhamd.

Mengambil kesempatan disaat
yang mulia ini, beta dan keluarga
beta dengan ikhlas lagi sukacita
mengucapkan Selamat Hari Raya
Aidilfitri kepada sekalian rakyat
dan penduduk di mana jua mereka
berada, semoga kita sama-sama
dapat menyambut hari bahagia ini
dalam suasana riang gembira.

Allahuakhbar, Allahuakhbar,
Allahuakhbar, Walillahilhamd.

Sekian, Wabillahit Taufeq
Walhidayah, Wassalamu
'Alaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.

Dari Sidang
Pengarang.

30 JULAI 2014 BERSAMAAN 1435 شوال 2

UGAMA TERAS KEAMANAN DAN KESEJAHTERAAN

KITA selaku rakyat dan penduduk di bumi Brunei Darussalam yang bertuah ini, memang sepatutnya berasa amat bersyukur kerana dilimpahi rahmat dan nikmat dari Allah Subhanahu Wata'ala dengan keamanan dan kesejahteraan yang berpanjangan, tanpa gangguan mana-mana pihak yang menggugat kestabilan dan keharmonian negara. Nikmat yang kita peroleh ini, selain dari rahmatNya, juga adalah atas pimpinan bijaksana ketua negara yang dikasihi rakyat dan penduduk negara ini, iaitu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang mengutamakan ugama dalam memimpin negara.

Mengemudi negara dengan petunjuk agama, dan tidak membelakangi ugama adalah jalan yang paling baik dalam semua aspek kehidupan agar diberkati di dunia dan di akhirat. Perkara ini telah baginda titahkan sempena dengan Sambutan Hari Raya Aidilfitri Bagi Tahun 1435 Hijriah bersamaan 2014 Masihi baru-baru ini iaitu : Beta percaya, ini adalah tuah Brunei, berkat ianya sentiasa dikemudi dengan ugama. Kita dalam semua aspek kehidupan tidak akan membelakangi ugama, tetapi sebaliknya meletakkannya paling hadapan sebagai suluh dan panduan.

Titah baginda itu amat bertepatan dan sepatutnya menjadi panduan kepada para pemimpin akar umbi dalam pelbagai peringkat di negara ini, kerana tanpa pimpinan bijaksana, keamanan dan kesejahteraan akan sukar diperolehi sebagaimana banyak dilalui oleh negara-negara lain di dunia, di mana rakyat dan penduduknya sentiasa hidup dalam kegelisahan dan ketakutan, gejala sosial yang berleluasa seperti gejala jenayah dan lain-lain masalah dan pelbagai ancaman yang menggugat keselamatan rakyat dan penduduk sesebuah negara. Kita turut sedih dengan apa yang berlaku di kebanyakan negara tersebut, di mana pemimpinnya sendiri yang menjadi dalang dan penyebab kepada kehancuran kehidupan rakyat dan penduduknya.

Semua itu amat berbeza dengan kehidupan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam yang sentiasa terjamin dan 'dikelilingi'. Dan Alhamdulillah di negara kita perkara-perkara tersebut tidak berlaku. negara kita sentiasa dalam aman. Semuanya berjalan dengan baik serta rakyat dan penduduk pula sentiasa bersatu padu tanpa sebarang pertelagahan dan persengketaan bagi sama-sama merasai nikmat keamanan dan kesejahteraan di negara ini.

Nikmat yang ada ini juga terbukti dengan adanya pegangan falsafah negara yang terkandung dalam kepimpinan negara yang tidak membelakangi ugama iaitu 'Melayu Islam Beraja (MIB)'; menjadikan negara ini sebagai 'Negara Zikir' dan penguatkuasaan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah di negara ini, lebih mengukuhkan lagi keamanan dan kesejahteraan yang sedia ada.

Oleh yang demikian, kestabilan hidup di negara ini merupakan harapan dan hasrat negara, sebagaimana negara-negara lain di dunia, baik negara kecil mahupun besar, sama ada ia negara Islam ataupun bukan Islam, keseluruhannya mengharapkan keamanan dan kesejahteraan. Dengan yang demikian sewajarnya kita selaku rakyat dan penduduk yang cintakan negara, mengisinya dengan nilai-nilai murni dan penuh rasa kesyukuran dan keinsafan terutamanya dalam menghayati dan memahami erti keamanan dan kesejahteraan sesuai dengan kehendak ajaran Islam, agar nikmat Allah Subhanahu Wata'ala itu sentiasa berkekalan di sepanjang masa.

Sempena dengan hari kemenangan umat Islam ini, iaitu sambutan Hari Raya Aidilfitri, sama-samalah kita menjaga, memelihara anugerah keamanan dan keharmonian negara kita dengan terus mempertahankan kedaulatannya dengan bersungguh-sungguh, kerana Islam amat menuntut bahawa cintakan keamanan negara sebagai tanda orang yang beriman dan bersyukur. Segala bentuk perjuangan mempertahankan keamanan dan kesejahteraan adalah sebahagian daripada ibadah dan tanda jihad kita di jalan Allah, kerana di bumi bertuah inilah tempat kita selaku rakyat dan penduduk membiakkan keturunan, membesarkan generasi Islam, menyuburkan syiar Islam dan menjaga kemaslahatan ummah yang kita warisi dari zaman-berzaman. 'SELAMAT HARI RAYA AIDILFITRI' - Ketua Penyuntingan (Zs).

Rampasan Cuaca Tiga Hari		
RABU	KHAMIS	JUMAAT
BANDAR SERI BEGAWAN 32°C / 25°C	32°C / 25°C	32°C / 25°C
MUARA 32°C / 24°C	32°C / 24°C	32°C / 26°C
PEKAN BANGAR 31°C / 25°C	31°C / 24°C	32°C / 24°C
PEKAN TUTONG 32°C / 25°C	32°C / 25°C	31°C / 25°C
PEKAN BERIA 32°C / 25°C	32°C / 25°C	32°C / 26°C
KUALA BELAIT 32°C / 25°C	32°C / 24°C	32°C / 26°C

Wahai umat manusia
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam
Jabatan Penerangan Darat
Telefon : 2330142 sambungan 1888/1551 atau Talian Cuaca : 114

SIDANG PENGARANG PELITA BRUNEI, JABATAN PENERANGAN

Pemberitaan/Rencana

Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor,
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli,
Norliah Md. Zain,
Hezlinawati Haji Abdul Karim,
Haji Aliddin Haji Moktal,
Ak. Jeffery Pg. Durahman,
Haniza Abdul Latif,
Abu Bakar Haji Abdul Rahman,
Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad,
Hajah Siti Zurailah Haji Awang Sulaiman,
Dk. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim,
Rohani Haji Abdul Hamid,
Nooratini Haji Abas,
Khartini Hamir,
Saerah Haji Abdul Ghani,
Aimi Sani,
Noraisah Muhammed,
Aryenty Haji Arifin,
Mohammad Arif Matali

Ketua Penyuntingan

Hajah Zabaidah Haji Salat,
Mohammad Rainie Haji Durani
Haji Sahari Akim

Penyemakan

Abdul Hadi Haji Suhaili,
Haji Besar Haji Mamit,
Hajah Norliha Haji Salleh,
Ramlah Md. Nor,
Nurul Hazwani Abu Omar,
Siti Faizhanisah Awang Mahani,
Dk. Nur Ridzwana Pg. Abd. Aziz

Juruteknik Foto

Hatral Hazmi Abdul Hamid,
Jurainah Haji Jait,
Nornasyirah Nordin

Penyuntingan

Samle Haji Jait,
Siti Muslihat Haji Salleh,
Bolhassan Haji Abu Bakar,
Abdullah Asgar,
Abu Bakar Haji Abdul Rahman

Penterjemahan

Hajah Musmariani Haji Mohammad,

Pereka Letak

Khairul Shaharim Haji Abdul Ghafar,
Haji Ahmad Haji Salim,
Mohammad Ike Iqrami Haji Suhaimi,
Muhammad Hamdanajib Haji Domeng,
Mohammad bin Kahar,
Wan Mohamad Sahrwan Wan Ahmadi,
Hajah Raini Haji Bidin,
Dk. Sahraini Pg. Haji Ismail

AMBULANS
991

POLIS
993

BOMBA
995

PENYELAMAT
998

(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK,
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT,
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam
123

NDMC
2380214

Berangkat menunaikan Sembahyang Sunat Aidilfitri bersama rakyat



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama putera-putera baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen berangkat menyertai umat Islam di negara ini menunaikan Sembahyang Sunat Hari Raya Aidilfitri di Masjid Omar 'Ali Saifuddien di ibu negara (kiri).

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama putera-putera baginda berkenan menerima junjung ziarah para jemaah yang hadir bagi menunaikan Sembahyang Sunat Hari Raya Aidilfitri (bawah).

Oleh : Bolhassan Haji Abu Bakar, Mohammad Arif Matali
Foto : Hamzah Mohiddin, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 29 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat menyertai umat Islam di negara ini menunaikan Sembahyang Sunat Hari Raya Aidilfitri di Masjid Omar 'Ali Saifuddien di ibu negara.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman, selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari-Hari Kebesaran

Islam Tahun 1435 Hijriah berserta ahli jawatankuasa yang lain.

Berangkat sama anakanda-anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Sembahyang Sunat Hari Raya Aidilfitri telah diimamkan oleh Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal.

Sementara Khutbah Hari Raya Aidilfitri dibacakan oleh Yang Berhormat Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Haji Awang Yahya bin Haji Ibrahim.



Dalam khutbah, Yang Berhormat antara lain mengingatkan bahawa dengan kedatangan 1 Syawal umat Islam di seluruh dunia dari pelbagai

bangsa dan peringkat umur, bersama-sama melafazkan takbir, tahmid dan tasbih sebagai tanda mengagungkan kebesaran Allah Subhanahu Wata'ala serta tanda kejayaan mendidik dan mengawal nafsu di bulan Ramadan yang penuh berkat.

Khutbah turut menyentuh mengenai Pelaksanaan Hukum Kanun Jenayah Syar'iah di Negara Brunei Darussalam, dengan menyeru umat Islam di negara ini supaya bersyukur di atas nikmat keimanan dan perpaduan dikecapi.

"Kita amatlah bersyukur kerana telah ditakdirkan hidup di dalam sebuah negara Islam yang melaksanakan hukum kanun jenayah mengikut hukum Islam. Selaku rakyat dan penduduk di negara ini, marilah kita sama-sama memberi sokongan dan kerjasama dalam Pelaksanaan Hukum Kanun Jenayah Syar'iah demi untuk mendapat keredaan Allah Subhanahu

Wata'ala," tegas Yang Berhormat.

Sebelum berangkat balik, Kebawah Duli Yang Maha Mulia bersama anakanda - anakanda baginda berkenan menerima junjung ziarah dan bersalaman bersama jemaah yang sama-sama menunaikan sembahyang yang terdiri daripada rakyat dan penduduk di negara ini.

Sembahyang Sunat Hari Raya Aidilfitri juga diadakan di masjid-masjid utama, surau-suruau dan balai-balai ibadat di seluruh negara bermula pukul 7.30 pagi.

Di Daerah Tutong, Sembahyang Sunat Hari Raya Aidilfitri tertumpu di Masjid Hassanal Bolkiah Pekan Tutong, di Daerah Belait tertumpu di Masjid Muhammad Jamalul Alam, Kuala Belait, sementara di Daerah Temburong pula di Masjid Utama Mohammad Salleh, manakala di Pekan Muara diadakan di Masjid Setia Ali, Pekan Muara.



RIBUAN umat Islam hadir bagi menunaikan Sembahyang Sunat Hari Raya Aidilfitri di Masjid Omar 'Ali Saifuddien di ibu negara.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan mengadakan Rumah Terbuka sempena Hari Raya Aidilfitri yang bermula pada hari ini di Balai Penghadapan Bukit Kayangan. Foto : Ihsan Sahmin Haji Julani.

DPPW, YTM rai tetamu di Balai Penghadapan Bukit Kayangan

Oleh : Ak. Jefferi Pg. Durahman, Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 29 Julai. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan mengadakan Rumah Terbuka sempena Hari Raya Aidilfitri yang bermula pada hari ini di Balai Penghadapan Bukit Kayangan, di sini.

Berangkat ke majlis tersebut ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien.

Juga berangkat ialah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Nor'ain, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Nasibah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Jefriah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Noor Ehsani, Yang Teramat Mulia Pengiran Babu Raja Pengiran Anak Hajah Besar binti Pengiran Anak Haji Metassan berserta kerabat diraja yang lain.

Hadir sama pada majlis itu termasuk pegawai-pegawai kerajaan berserta diplomat-diplomat asing yang berada di negara ini.

Pada majlis tersebut, Duli Yang Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia berkenan menerima junjung ziarah dan bersalaman serta beramah mesra bersama para tetamu yang hadir.

KHEDN adakan Majlis Membaca Surah Yaa Siin, Tahlil



ROMBONGAN Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri diketuai oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman dan disertai Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 24 Julai. - Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) dan jabatan-jabatan di bawahnya serta Majlis-Majlis Perundingan Mukim dan Kampung mengadakan Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil Bagi Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit, bertempat di Kubah Makam Diraja, Jalan Tutong.

Rombongan KHEDN kira-kira 250 itu diketuai oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman, dan disertai oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri,

Yang Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Juga hadir Setiausaha-Setiausaha Tetap, Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan serta pegawai dan kakitangan dari jabatan-jabatan dan bahagian-bahagian di KHEDN termasuk penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung dari keempat-empat daerah.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al Faatihah dan bacaan Surah Yaa Siin yang kemudiannya diikuti dengan bacaan Tahlil yang dipimpin oleh Timbalan Setiausaha Tetap KHEDN, Awang Haji Ismail bin Haji Abd. Manap.

Jabatan Penerangan anjur Majlis Khatam Al-Qur'an

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 24 Julai. - Majlis Khatam Al-Qur'an bagi pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan yang telah menamatkan bacaan 30 Juz Al-Qur'an diadakan di Dewan Pengiran Setia Negara di ibu pejabat jabatan berkenaan.

Bacaan Surah Al Faatihah beramai-ramai yang diketuai oleh Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Md. Yassin dan seterusnya diikuti dengan Majlis Khatam Al-Qur'an dan Doa Khatam.

Majlis diserikan dengan persembahan Dikir Marhaban oleh warga penerangan dan kemudian diselajurkan dengan penyampaian derma kepada anak-anak yatim kakitangan di jabatan berkenaan yang berupa wang tunai dan keperluan Hari Raya Aidilfitri bagi sama-sama meringankan beban



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad menyempurnakan penyampaian derma kepada seorang anak yatim warga Jabatan Penerangan.

perbelanjaan mereka dan berkongsi kegembiraan bagi mereka menyambut Hari Raya walaupun tanpa orang yang tersayang.

Acara penyampaian derma disempurnakan oleh Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad.

Majlis adalah merupakan

acara tahunan Jabatan Penerangan dengan objektif untuk mengeratkan hubungan silaturahim antara warga penerangan dan pada masa yang sama, majlis juga dihasrat dapat memeriahkan suasana Ramadan yang setentunya disemarakkan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Qur'an.

Majlis Khatam Al-Qur'an Masjid Zainab

Berita dan Foto : Noraisah Muhammed

LUMUT, Khamis, 24 Julai. - Jawatankuasa dan Takmir dan Muslimah Masjid Zainab, Lumut telah menganjurkan Majlis Khatam Al-Qur'an bagi peserta-peserta tadarus di sepanjang bulan Ramadan bagi tahun ini.

Majlis yang diadakan di Dewan Sembahyang Masjid Zainab itu bertujuan meraikan peserta-peserta tadarus yang telah mengkhataamkan bacaan mereka selain dihasratkan lebih mengeratkan lagi hubungan silaturahim di antara jemaah yang sudah sedia terjalin dengan baik.

Imam Masjid Zainab,

Awang Aminordin bin Yusof menyatakan bahawa bertadarus mempunyai manfaat yang sangat besar, dengan membaca secara berkumpulan bacaan dapat disemak dan pembacaan akan menjadi lebih baik, jika ada kesilapan ia dapat dibetulkan oleh ahli-ahli kumpulan.

"Kita berusaha meraih pahala yang berlipat ganda dengan membaca Al-Qur'an di bulan Ramadan ini, kita juga menimba ilmu dalam hukum-hukum tajwid dan fasahah," jelas beliau di samping berharap setiap teguran di dalam bacaan dapat diterima

dengan hati yang terbuka dan segala ilmu yang diperoleh dapat dimanfaatkan sebaik-baiknya.

Bagi memastikan anak-anak muda akan sentiasa dibimbing dan akan menjadi anak yang berilmu dan berakhlak mulia serta akan menjadi pelapis dalam mengimarahkan masjid pada masa-masa akan datang format baru dalam sistem tadarus secara berkumpulan akan dibentuk pada tahun hadapan.

Walaupun penyertaan bagi peserta lelaki agak sedikit menurun, namun peningkatan yang menggalakkan daripada peserta perempuan dan penyertaan sama ada lelaki atau perempuan diharapkan akan semakin meningkat pada tahun yang akan datang.

Hadiah berupa saguhati kepada setiap peserta telah disampaikan oleh Penasihat Takmir Masjid, Pemangku Bilal, Awang Haji Abu Bakar bin Haji Hassan dan majlis pada petang itu diselajurkan dengan berbuka puasa beramai-ramai di pekarangan Masjid Zainab, Lumut.



JAWATANKUASA Takmir dan Muslimah Masjid Zainab, Lumut telah menganjurkan Majlis Khatam Al-Qur'an bagi peserta-peserta tadarus di sepanjang bulan Ramadan.

Imam Mesir imamkan Sembahyang Sunat Tarawih



GADONG, Rabu, 23 Julai. - Sempena bulan Ramadan yang mubarak dan penuh keberkatan, majlis-majlis keagamaan terus giat dilaksanakan di negara ini dan Sembahyang Sunat Tarawih juga diadakan di setiap masjid, surau dan balai ibadat di seluruh negara semata-mata untuk mendapatkan kerediaan Allah Subhanahu Wata'ala.

Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dan Republik Arab Mesir telah bekerjasama mendatangkan seorang imam iaitu Pensyarah Universiti Al-Azhar, Mesir, Ustaz Dr. el-Tawil Mohamed Ahmed Mohamed, untuk mengimamkan Sembahyang Sunat Tarawih di beberapa buah masjid yang terpilih di Negara Brunei Darussalam.

pada malam tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman.

Juga hadir sama, Pemangku Penolong Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd. Salleh bersama para pegawai dari KHEU dan penduduk kampung di kawasan sekitarnya.

Ustaz Dr. el-Tawil Mohamed mengimamkan Sembahyang Sunat Tarawih di negara ini pada 13 Julai 2014 yang lalu dan beliau akan meneruskan lagi ke masjid yang terpilih untuk mengimamkan Sembahyang Sunat Tarawih iaitu di Masjid Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Pandan, Daerah Belait pada hari Khamis, 24 Julai 2014 dan di Masjid Seri Suri Begawan Raja Pengiran Anak Damit, Kampung Manggis / Madang pada 25 Julai 2014.

IMAM dari Republik Arab Mesir iaitu Pensyarah Universiti Al-Azhar, Mesir, Ustaz Dr. el-Tawil Mohamed Ahmed Mohamed, mengimamkan Sembahyang Sunat Tarawih di beberapa buah masjid yang terpilih di Negara Brunei Darussalam.

Pada malam berkenaan, beliau mengimamkan Sembahyang Sunat Tarawih di Masjid Pengiran Muda 'Abdul Malik, Kampung Tungku/Katok, di sini.

Hadir menunaikan Sembahyang Sunat Tarawih

PSW rai penghuni Taman Nur Hidayah



YANG Dipertua PSW Brunei Darussalam, Pengiran Datin Paduka Hajah Hairani binti Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar antara yang hadir dalam Majlis Tahlil, Doa Arwah dan Bersungkaik PSW bersama penghuni Taman Nur Hidayah.

ramai. Hadir dalam majlis berkenaan yang kemudiannya menyampaikan sumbangan dan derma bagi pihak PSW ialah Yang Dipertua PSW Brunei Darussalam, Pengiran Datin Paduka Hajah Hairani binti Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar.

Di samping itu, para penghuni kompleks tersebut juga turut menerima sumbangan pakaian Hari Raya yang diterima daripada para dermawan melalui kotak kutip PUSAKA, salah sebuah badan projek di bawah PSW.

Majlis juga turut diteruskan dengan berbuka puasa dan beramah mesra bersama-sama dengan para penghuni dan residen kompleks berkenaan.

Kegiatan seumpama ini merupakan salah satu aktiviti kebajikan yang giat diungkuhkan oleh PSW sejak sepuluh tahun yang lalu sebagai tanda prihatin dan pemedulian mereka terhadap mereka yang kurang bernasib baik dan juga sebagai usaha persatuan untuk menyemarakkan lagi bulan Ramadan dengan meraih kemanfaatan dan ganjaran pahala di bulan yang penuh rahmat ini.

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Mohd. Mahdi Haji Marsidi

SUBOK, Jumaat, 25 Julai. - Kedatangan Ramadan tidak dilepaskan oleh Persatuan Siswazah Wanita Negara Brunei Darussalam (PSW) sambil menyemarakkan bulan Ramadan dengan Majlis Tahlil, Doa Arwah dan Berbuka Puasa bersama penghuni dan residen Taman Nur Hidayah yang ditempatkan sementara di

Kompleks Rumah Kebajikan, Kampung Belimbing, di sini. Majlis tersebut dihadiri oleh seramai kira-kira 80 orang yang terdiri daripada ahli-ahli PSW, para residen kompleks serta kesemua penghuni Rumah Kebajikan berkenaan yang terdahulunya memulakan majlis dengan membaca tahlil dan doa selamat beramai-

Majlis khatam anjuran PEMBELA

Berita dan Foto :
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli

KUALA BELAIT, Jumaat, 25 Julai. - Persatuan Belia (PEMBELA) Daerah Belait telah menganjurkan Majlis Khatam Al-Qur'an, Berbuka Puasa dan Solat Tarawih Berjemaah di Mini Pusat Belia, Jalan Bunga Rumbai di sini.

Majlis tersebut merupakan projek tahunan persatuan kali kelima diadakan bagi 17 orang belia terdiri daripada ahli-ahli persatuan yang telah memulakan tadarus ke rumah-rumah ahli persatuan pada 15 Julai lepas.

Selain menganjurkan berbagai aktiviti keagamaan di bulan Ramadan, persatuan juga telah mengadakan aktiviti membersihkan tanah perkuburan orang-orang Islam di Los Tanjung, Kuala Belait dan mengadakan majlis Maulid, Sembahyang Tarawih dan tadarus pada hari yang sama, 18 Julai lalu, sementara pada 19 hari bulan persatuan menganjurkan majlis bersungkaik bersama jemaah Masjid Zainab, Lumut yang dimasak sendiri oleh ahli-ahli belia persatuan itu.

Persatuan PEMBELA ditubuhkan pada 26 Julai 1966 bertujuan untuk mengumpulkan belia-belia Belait agar aktif dalam kemasyarakatan, kebajikan, keagamaan,



PEGAWAI Perkembangan Ugama, Unit Dakwah Daerah Belait, Awang Haji Roslan bin Haji Ratu hadir selaku tetamu kehormat.

di samping aktiviti-aktiviti sampingan yang menjurus kepada kebeliaan seperti kepimpinan dan sukan dengan keramaian ahli yang aktif ketika ini berjumlah 90 orang.

Pada hujung tahun ini, persatuan akan mengadakan Program 'Minnal Masjid Ilal Masjid' siri ke-7 bertujuan untuk memakmurkan masjid dan juga untuk mendekatkan belia tentang adab-adab semasa berada di masjid. Pengisian program termasuk melakukan Solat Duha dan tazkirah.

Hadir selaku tetamu kehormat, Pegawai Perkembangan Ugama, Unit Dakwah Daerah Belait, Awang Haji Roslan bin Haji Ratu.

JBS bukakan permohonan berjaja sempena HBT 2014

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 23 Julai. - Jabatan Belia dan Sukan (JBS) memaklumkan bahawa gerai berjaja akan diadakan disepanjang Kejohanan Bola Sepak Piala Hassanal Bolkiah (HBT).

Tempat-tempat berjaja yang akan disediakan adalah di kawasan Stadium Negara Hassanal Bolkiah dan Kompleks Sukan Berakas.

Borang permohonan untuk berjaja kini boleh diperolehi mulai hari Khamis 24 Julai di Bahagian Prasarana dan Estet, Tingkat 6, Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS).

Permohonan dibukakan kepada orang ramai yang terdiri daripada rakyat dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam sahaja. Satu permohonan akan diberikan satu petak sahaja dan ianya adalah terhad.

Tarikh tutup menghantar borang permohonan ialah pada hari Sabtu, 2 Ogos 2014 pukul 1.00 petang bertempat di Bahagian Prasarana dan Estet, Tingkat 6, Bangunan KKBS.

Sebarang pertanyaan atau keterangan lanjut, boleh menghubungi Awang Haji Md Hariol Asni bin Haji Awang Said ditalian 2381903/4/5 sambungan 1605/1609 atau 8802510.

Pengambilan pelajar baru ITQSHHB dibukakan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 28 Julai. - Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB) sedang membukakan Tawaran Pengambilan Pelajar-Pelajar Baru Peringkat Menengah institut tersebut bagi Sesi 1436 Hijriah/2015 Masihi bermula 12 Julai 2014 hingga 31 Ogos 2014M.

Pemohon-pemohon yang ingin mengikuti pengajian Tahfiz Al-Quran hendaklah memenuhi syarat-syarat utama iaitu Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atau penduduk tetap; Bagi yang bukan rakyat (ibu/bapa) yang bertugas di Negara Brunei Darussalam, boleh juga memohon dengan menghadapkan surat permohonan khas kepada Lembaga ITQSHHB melalui Pengetua institut; umur tidak melebihi (13 tahun) pada 1 Januari 2015; dan Lulus Peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah (PSR)

atau yang setaraf dengannya.

Manakala syarat umum ialah Lulus Temu Duga; Berkemampuan membaca Al-Qur'an dengan baik dan lancar semasa temu duga; Mampu menghafaz ayat-ayat tidak kurang tujuh (7) baris dalam tempoh masa 30 minit semasa temu duga; Boleh membaca dan menulis Jawi dengan baik dan lancar semasa temu duga; Mempunyai pengesahan rekod kelakuan baik daripada pihak sekolah; Berkesanggupan tinggal di asrama sepanjang tempoh pengajian dan mematuhi peraturan-peraturan; dan Kejayaan memohon tertakluk kepada keputusan Lembaga ITQSHHB.

Sebarang keterangan lanjut mengenainya, sila hubungi Bahagian Pendaftaran ITQSHHB di talian 2222090/093/096 sambungan 206/229/230 dan 231.

Majlis Khatam Al-Qur'an KPSSU



MENTERI Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Khatam Al-Qur'an bagi pegawai dan kakitangan setiap jabatan, bahagian dan pusat di bawah KPSSU.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 24 Julai. - Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (KPSSU) menganjurkan Majlis Khatam Al-Qur'an, bertempat di Dewan Setia Pahlawan, KPSSU, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar.

Majlis yang diselenggarakan bersama oleh Badan Kemajuan Industri Brunei (BINA) dan Jabatan

Perikanan itu turut dihadiri oleh Pemangku Setiausaha Tetap (Pembangunan Industri dan Keusahawanan), Awang Haji Khairuddin bin Haji Abd. Hamid dan Timbalan Setiausaha Tetap (Pembangunan Sumber-Sumber Utama), Dayang Hajah Hasnah binti Ibrahim serta pegawai-pegawai dan kakitangan kementerian berkenaan.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al Faatihah, takhtim dan doa yang dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Shafrillah bin Haji Ahmad.

Majlis tersebut merupakan salah

Oleh : Aimi Sani

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor

satu aktiviti keagamaan tahunan yang diungayahkan oleh KPSSU dan agensi-agensi di bawahnya yang juga dihasratkan untuk memohon keberkatan dan mendapatkan ganjaran pahala yang banyak dalam bulan yang Mubarak ini.

Selain itu, majlis ini juga diadakan bagi menandakan berakhirnya penyempurnaan bacaan 30 Juzuk Al-Qur'an yang bermula awal Ramadan dan berakhir kelmarin.

Kaedah pembacaan dibuat secara bergilir-gilir terdiri daripada pegawai dan kakitangan setiap jabatan/bahagian / pusat di bawah KPSSU yang diadakan di Surau KPSSU.



ANTARA pegawai dan kakitangan setiap jabatan, bahagian dan pusat di bawah Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (KPSSU) yang hadir dalam majlis tersebut.

Tarbiah belia dengan pembacaan Al-Qur'an

Oleh : Nooratini Haji Abas

Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 24 Julai. - Bagi meningkatkan kefahaman belia tentang kepentingan membaca dan menghayati Al-Qur'an sebagai panduan hidup, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) melalui Jabatan Belia dan Sukan menganjurkan Majlis Bertadarus Al-Qur'an Bulan Ramadan Belia Senegara di Masjid Omar 'Ali Saifuddin, di ibu negara.

Pemangku Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Othman hadir selaku tetamu kehormat.

Seramai 500 orang terdiri daripada 300 belia lelaki dan 200 belia perempuan dari persatuan-persatuan belia, persatuan-persatuan beruniform, belia-belie secara amnya serta guru-guru daripada Jabatan Pengajian Islam dan Kementerian Pendidikan menyertai majlis berkenaan.

Terdahulu, bacaan Surah Al Faatihah dimulakan yang dikepalai oleh Awangku Muhd. Ilyas bin Pengiran Haji Masri dari Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA).



PEMANGKU Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Othman hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Bertadarus Al-Qur'an Bulan Ramadan Belia Senegara.

Pada majlis tersebut juga diselenggarakan dengan Khatam Al-Qur'an, sementara bacaan Takhtim dan Doa Khatam pula dibacakan oleh Awang Muhammad Wafiy bin Mohammad dari Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanal Bolkiah.

Bacaan Doa Peliharakan Sultan pula dipimpin oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Awang Haji Emran bin Haji Kuncang.

Dengan adanya majlis seumpama ini, setentunya dapat mempertingkatkan dan mengukuhkan persefahaman dan kerjasama di antara agensi-agensi yang terlibat dalam pembangunan dan tarbiah belia, di samping untuk menyemarakkan lagi bulan Ramadan dengan pengisian-pengisian yang bermanfaat dengan pembacaan Al-Qur'an serta menggalakkan penglibatan belia dalam aktiviti keagamaan.

Mewujudkan komunikasi sihat melalui Program Ramadan Penerangan



SETIAUSAHA Tetap (Media dan Kabinet) di Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Mohd Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd Yunos menyampaikan derma kepada seorang anak yatim.

Oleh : Mohammad Arif Matali

Foto : Mohd. Mahdi Haji Marsidi

TUTONG, Khamis, 24 Julai. - Program Ramadan Penerangan dihasratkan untuk mewujudkan komunikasi sihat di antara pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan bersama penduduk mukim dan kampung serta masyarakat umum, di samping memupuk semangat tolong-menolong, selain meraih pahala di bulan Al-Mubarak.

Ke arah itu, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Jabatan Penerangan serta Cawangan Jabatan Penerangan Daerah Tutong dengan kerjasama Jawatankuasa Takmir Masjid dan Majlis Perundingan Kampung Danau mengadakan Program Ramadan Penerangan yang menjanjikan pahala, rahmat serta keberkatan Allah Subhanahu Wata'ala kepada umat manusia.

Setiausaha Tetap (Media dan Kabinet) di Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Mohd Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd Yunos hadir selaku tetamu kehormat pada program yang diadakan di Masjid Kampung Danau,

Tutong.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al Faatihah beramai-ramai yang dikepalai oleh tetamu kehormat dan diserikan dengan ceramah agama yang disampaikan oleh penceramah dari Pusat Da'wah Islamiah, Awang Haji Mail bin Awang Besar.

Bacaan Surah Yaa Siin dan bertahlil dipimpin oleh Imam Masjid Kampung Danau, Pengiran Haji Hassan bin Pengiran Haji Ismail.

Pada acara tersebut, seramai 19 orang anak yatim menerima sumbangan derma yang disampaikan oleh tetamu kehormat.

Program diselenggarakan dengan majlis bersungkaik dan diikuti dengan menunaikan Solat Fardu Maghrib Berjemaah.

Juga hadir Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad; Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, selaku Penghulu Mukim Telisai; pemangku timbalan pengarah, ketua-ketua kampung Mukim Telisai, Ahli-ahli Majlis Perundingan Kampung, Ahli-ahli Jawatankuasa Takmir Masjid dan penduduk Kampung Danau serta pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan.

Kementerian Pertahanan anjur majlis keagamaan

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman

Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas



SETIAUSAHA Tetap (Dasar Pertahanan dan Pembangunan) Kementerian Pertahanan, Kolonel (B) Pengiran Dato Paduka Haji Azmansham bin Pengiran Haji Mohamad semasa hadir pada Majlis Sambutan Nuzul Al-Qur'an dan Majlis Khatam Al-Qur'an bagi Kementerian Pertahanan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 24 Julai. - Dalam sama-sama meraih ganjaran pahala yang berlipat ganda daripada Allah Subhanahu Wata'ala khususnya dalam bulan Ramadan yang penuh berkat ini, majlis-majlis keagamaan terus diadakan di negara ini oleh pelbagai pihak.

Kementerian Pertahanan telah mengadakan Majlis Sambutan Nuzul Al-Qur'an dan Majlis Khatam Al-Qur'an yang diadakan di Surau Kementerian Pertahanan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis itu ialah Setiausaha Tetap (Dasar Pertahanan dan Pembangunan) Kementerian Pertahanan, Kolonel (B)

Pengiran Dato Paduka Haji Azmansham bin Pengiran Haji Mohamad.

Majlis Khatam Al-Qur'an dimulakan dengan bacaan Surah Al Faatihah dipimpin oleh Imam Surau Kementerian Pertahanan, Awang Shuib bin Haji Abdullah, diikuti dengan bacaan khatam Al-Qur'an beramai-ramai dan seterusnya bacaan takhtim dan doa khatam.

Majlis diserikan dengan laungan Dikir Marhaban dan doa penutup, diikuti dengan menunaikan Sembahyang Fardu Zuhur Berjemaah, di samping Ceramah Nuzul Al-Qur'an yang disampaikan oleh Pegawai Kor Agama Angkatan Tentera Malaysia (KAGAT), Mejar Jihadi bin Haji Ahmad.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Ahli-ahli Komiti Eksekutif Pertahanan, pengarah-pengarah awam dan tentera, pegawai-pegawai ABDB dan awam Kementerian Pertahanan serta anggota-anggota ABDB.

Majlis Bertahlil anjuran Pejabat Kebawah DYMM

Oleh : Abdullah Asgar
Foto : Masri Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 26 Julai. - Majlis Bertahlil sempena bulan Ramadan Al-Mubarak terus diadakan khusus bagi ayahanda dan bonda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit.

Bagi tujuan itu, Pejabat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengadakan Majlis Bertahlil di Kubah

Makam Diraja, Jalan Tutong, di sini.

Hadir menyertai majlis keagamaan itu ialah Setiausaha Sulit dan Laila Rahsia Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Shahbandar Dato Seri Setia Haji Awang Mohammad Nawawi bin Pehin Orang Kaya Shahbandar Dato Seri Setia Haji Awang Mohd. Taha.

Bacaan Surah Yaa Siin dan bertahlil telah dipimpin oleh Guru Ugama di Pejabat Kebawah DYMM, Awang Haji Abd Rahman bin Mahmuda.



SETIAUSAHA Sulit dan Laila Rahsia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Shahbandar Dato Seri Setia Haji Awang Mohammad Nawawi bin Pehin Orang Kaya Shahbandar Dato Seri Setia Haji Awang Mohd. Taha.

KPSSU adakan Majlis Bertahlil

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 26 Julai. - Dalam menyemarakkan lagi suasana bulan Ramadan yang penuh keberkatan dan rahmat ini, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (KPSSU) dan jabatan-jabatan di bawahnya mengadakan Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil bagi Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit, bertempat di Kubah Makam Diraja, Jalan Tutong, di sini.

Hadir pada majlis itu ialah Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar.

Juga hadir Timbalan Setiausaha Tetap KPSSU, Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid, Pengarah / Ketua Jabatan dan Pusat di KPSSU, agensi-agensi di bawah KPSSU, pegawai-pegawai dan kakitangan KPSSU serta agensi-agensi di bawahnya.

Bacaan Surah Yaa Siin dan Tahlil telah dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Shafrillah bin Haji Ahmad.

Tahun ini majlis telah diselenggarakan bersama oleh Badan Kemajuan Industri Brunei (BINA) dan Pusat Pembangunan Koperasi (CDeC) di bawah KPSSU.



MENTERI Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar mengetuai rombongan kementerianya bertahlil di Kubah Makam Diraja.

Kementerian Kewangan semarakkan Nuzul Al-Qur'an



TIMBALAN Menteri Kewangan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Bahrin bin Abdullah (tengah) semasa hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Sambutan Nuzul Al-Qur'an di Dewan Teater, Commonwealth Drive.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 26 Julai. - Kementerian Kewangan dan jabatan-jabatan di bawahnya melalui Agensi Pelaburan Brunei mengadakan Majlis Sambutan Nuzul Al-Qur'an di Dewan Teater, Commonwealth Drive, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Timbalan Menteri Kewangan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Bahrin bin Abdullah.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al Faatihah dan seterusnya

diserikan lagi dengan ceramah khas mengenai Al-Qur'an sebagai pegangan hidup disampaikan oleh penceramah undangan dari Pusat Da'wah Islamiah, Dr. Haji Ismuhadi bin Abdullah.

Atur cara juga turut diteruskan dengan penyampaian sumbangan derma kepada 23 orang anak yatim warga Kementerian Kewangan dan jabatan-jabatan di bawahnya yang disampaikan oleh tetamu kehormat.

Hadir sama di majlis itu ialah Setiausaha-Setiausaha Tetap,

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Pg. Amirulnizam
Pg. Haji Mohd. Ali

Timbalan Setiausaha Tetap, Pemangku Pengarah Urusan Agensi Pelaburan Brunei, Awang Junaidi bin Haji Masri, ketua-ketua jabatan dan bahagian, pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Kewangan dan jabatan-jabatan di bawahnya.



TIMBALAN Menteri Kewangan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Bahrin bin Abdullah menyampaikan sumbang derma kepada salah seorang anak yatim pada Majlis Sambutan Nuzul Al-Qur'an Kementerian Kewangan.

Majlis Khatam Al-Qur'an penghuni pemulihan psikiatri



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof hadir pada Majlis Khatam Al-Qur'an bagi lima penghuni iaitu tiga peserta lelaki dan dua peserta perempuan Rumah Sinar Sejahtera dan Rumah Cahaya Sejahtera.

Oleh : Dk. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 23 Julai. - Kementerian Kesihatan melalui Jabatan Perkhidmatan Psikiatri, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) mengadakan Majlis Khatam Al-Qur'an bagi lima penghuni iaitu tiga peserta lelaki dan dua peserta perempuan Rumah Sinar Sejahtera dan Rumah Cahaya Sejahtera atas bimbingan Pegawai Agama, Unit Agama Hospital RIPAS. Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof.

Juga hadir, Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Datin Paduka

Dr. Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil; Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan, Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kawangan), Timbalan Setiausaha Tetap (Profesional dan Teknikal), ketua-ketua pengarah; pengarah-pengarah dan pegawai-pegawai kanan Kementerian Kesihatan, jemputan-jemputan khas serta sebilangan ahli-ahli keluarga penghuni dan peserta.

Terdahulu majlis bermula dengan Majlis Khatam Al-Qur'an dan diikuti dengan Tahlil dan Doa Arwah.

Kemudiannya disusuli dengan penyampaian *hamper* dan derma kepada penghuni dan peserta pemulihan psikiatri yang disempurnakan oleh Yang Berhormat

Menteri Kesihatan.

Keseluruhan jumlah penerima sumbangan *hamper* dan derma tersebut adalah seramai 39 yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis.

Majlis tersebut juga diselenggarakan dengan berbuka puasa dan menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah.

Majlis tersebut merupakan julung kalinya diadakan yang mencerminkan kejayaan aktiviti dan program rehabilitasi keagamaan bagi peserta kedua-dua rumah tersebut.

Aktiviti ini juga akan dapat memberikan inspirasi dan kesedaran kepada semua pihak sebagai rasa prihatin dan pemedulian terhadap mereka yang sangat memerlukan bantuan dan bimbingan terutama dalam penghayatan kitab suci Al-Qur'an berseduikan dengan bulan Ramadan yang مبارk dan Hari Raya Aidilfitri yang bakal menjelang nanti.

Al-Qur'an sumber ilmu pengetahuan

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 23 Julai. - Al-Qur'an bukan sahaja panduan cara hidup bagi kita malah ia merupakan panduan serta sumber ilmu pengetahuan termasuk ilmu sains yang bersumberkan kalam Tuhan iaitu Al-Qur'an.

Perkara ini dijelaskan oleh penceramah dari SOAS Centre for Islamic Studies, Universiti Brunei Darussalam (UBD), Awang Muhammad Hilmy Baihaq bin Haji Awang Yusof dalam ceramah khas bertajuk 'Kemukjizatan Al-Qur'an Melalui Ilmu Sains' di Majlis Sambutan Nuzul Al-Qur'an Kementerian Pendidikan 1435H / 2014M yang diadakan di Masjid Ash-Shaliheen, di sini.

Beliau juga turut memberikan beberapa gambaran mengenai konsep kuantum teori dari perspektif Qur'an dan bagaimana Al-Qur'an memberikan beberapa kritikan terhadap teori sains, dari itu terangnya, adalah penting bagi kita untuk mengetahui perbezaan antara pegangan dan pandangan mengenainya.

Teori sains tambahnya, adalah pandangan manusia sedangkan aqidah Islam itu adalah pegangan kita dan pada ceramah tersebut juga beliau menjelaskan bagaimana Al-Qur'an memberikan tanda-tanda tentang penemuan sains moden.

Nuzul Al-Qur'an memberikan maksud penurunan ayat-ayat Al-Quranulkarim sebagai wahyu Allah Subhanahu Wata'ala kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam melalui perantaraan Malaikat Jibrail Alahi Salam.

Kira-kira seramai 200 orang pegawai dan kakitangan kementerian tersebut hadir bagi memeriahkan lagi majlis berkenaan yang antara lain bertujuan untuk menjalin dan mengeratkan lagi hubungan silaturahim antara warga Kementerian Pendidikan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Setia Awang Haji Yusoff bin Haji Ismail.

Terdahulu majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardu Zuhur Berjemaah

yang kemudiannya diikuti dengan ceramah khas bertajuk 'Kemukjizatan Al-Qur'an Melalui Ilmu Sains' disampaikan oleh penceramah dari SOAS Centre for Islamic Studies, UBD, Awang Muhammad Hilmy Baihaq.

Hadir sama pada majlis tersebut ialah Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Dr. Haji Junaidi bin Haji Abdul Rahman; Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal; Pemangku Ketua Pengarah Pendidikan, Awang Haji Abdul Rahim bin Derus serta pengarah-pengarah, penolong-penolong pengarah, pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai dan kakitangan di Kementerian Pendidikan.



TIMBALAN Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Setia Haji Awang Yusoff bin Haji Ismail (dua dari kanan) ketika hadir di Majlis Sambutan Memperingati Nuzul Al-Qur'an Kementerian Pendidikan.

ITB sambut Nuzul Al-Qur'an

Oleh: Nooratini Haji Abas
Foto: Mohd. Mahdi Haji Marsidi

TUNGKU LINK, Selasa, 22 Julai. - Sempena Memperingati Nuzul Al-Qur'an dan bulan Ramadan 1435 Hijriah / 2014 Masihi, Institut Tek-

nologi Brunei (ITB) mengadakan Majlis Khatam Al-Qur'an dan diselenggarakan dengan Majlis Bersungkaik bertempat di Dewan Serbaguna, ITB, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Pemangku Naib Canselor ITB, Profesor Madya Dr. Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al Faatihah beramai-ramai dikepalai oleh Penolong Naib Canselor (Akademik), ITB, Pengiran Dr. Haji Md. Esa Al-Islam bin Pengiran Haji Md. Yunus.

Seterusnya, bacaan ayat-ayat lazim dan Takhtim dipimpin oleh pelajar dari Fakulti Kejuruteraan, ITB, Awangku Md. Hafizul 'Ilmi bin Pengiran Haji

Marjuki sementara bacaan doa khatam pula dibacakan oleh Pegawai Kaunseling ITB, Awang Haji Haji bin Othman.

Sejurus itu, bacaan Dikir Marhaban oleh Kelab Dikir Nasyid dan Tausyeh ITB menyerikan lagi majlis berkenaan.

Majlis itu diteruskan dengan bacaan tahlil, berbuka puasa dan Solat Fardu Maghrib Berjemaah yang dimamkan oleh pelajar dari Sekolah Perdagangan ITB, Awangku Muhd. Wafiuddin bin Pengiran Haji Shamsuddin.

Program Tadarus dan Khatam Al-Qur'an tersebut merupakan acara tahunan ITB, di samping ianya sebagai usaha untuk meraih keberkatan daripada ibadat di bulan Ramadan selain untuk meningkatkan lagi syiar agama Islam dan memupuk budaya cintakan Al-Qur'an.

Majlis khatam eratkan silaturahim



TIMBALAN Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Harun bin Haji Junid memimpin bacaan Surah Al Faatihah.

Berita dan Foto : Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli

KUALA BELAIT, Rabu, 23 Julai. - Pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah Belait dan bahagian-bahagian di bawahnya telah mengadakan Majlis Khatam Al-Qur'an di Surau Sekolah Arab, di sini.

Timbalan Setiausaha Tetap

Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Harun bin Haji Junid selaku tetamu kehormat di majlis bagi pegawai dan kakitangan serta guru-guru agama sempena bulan Ramadan 1435H / 2014M.

Acara dimulakan dengan

Sembahyang Fardu Zuhur Berjemaah diikuti selepas itu Majlis Khatam Al-Qur'an dimulakan dengan bacaan Surah Al Faatihah yang dipimpin oleh tetamu kehormat dan Doa Khatam dibaca oleh Ketua Pegawai Agama Daerah Belait, Awang Haji Asminan bin Haji Chuchu serta bacaan Takhtim, Tahlil dan Doa Arwah pula diketuai oleh Ketua Bahagian Hal Ehwal Masjid Daerah Belait, Awang Haji Haslan bin Haji Shahbudin.

Majlis diteruskan dengan penyampaian sumbangan derma kepada Tabung Derma Anak-Anak Yatim Daerah Belait. Sumbangan sebanyak BND755 hasil kutipan daripada warga Pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah Belait dan diserahkan oleh tetamu kehormat kepada wakil Pengerusi Tabung Derma Anak-Anak Yatim Daerah Belait.

Majlis bertujuan bagi mengeratkan silaturahim dalam kalangan warga pejabat, di samping menyemarakkan lagi bulan Ramadan yang penuh keberkatan ini dan sebagai salah satu aktiviti tahunan pejabat.



SEBAHAGIAN daripada pensyarah dan pegawai ITB ketika membaca surah-surah khatam.

Keakraban raja dan rakyat



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan menerima junjung ziarah para pengunjung lelaki pada Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri pada tahun 1434 Hijriah.

Oleh : Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor
Foto : Jabatan Penerangan

HUBUNGAN pemimpin dengan rakyat penting dalam masyarakat Melayu Islam Beraja (MIB), di Negara Brunei Darussalam, rakyatnya tidak kira apa bangsa sekalipun, sama ada orang luar digalakkan untuk menziarahi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam beserta kerabat diraja di Istana Nurul Iman, di mana istana dibuka sepanjang tiga hari daripada Hari Raya Kedua hingga Hari Raya Kempat.

Peluang berkunjung ke Istana Nurul Iman mengadap dan menjunjung ziarah ke hadapan majlis baginda dan kerabat diraja melalui hari kemenangan ini, ia merupakan satu kesempatan yang ditunggu-tunggu, kerana bukan sahaja dapat bersua dengan raja, secara langsung juga dapat bersalam-salaman dan berinteraksi

secara dekat ke hadapan majlis baginda. Apa yang paling penting kita memperlihatkan betapa setiap tahun jumlah pengunjung yang datang ke istana adalah terlalu ramai dan meningkat dari setahun ke setahun.

Ini jelas membuktikan sikap keprihatinan baginda kepada rakyat dan kesetiaan rakyat kepada baginda yang sangat berharga dan bermakna serta meninggalkan kenangan manis kepada rakyat baginda dengan berpeluang berhari raya di Istana Nurul Iman bukan sahaja rakyat dan penduduk negara malah pelbagai masyarakat di dalam dan di luar negeri yang berkunjung ke negara ini.

Dengan adanya peluang ini, adalah bersesuaian dengan cara hidup kita di Brunei iaitu mengamalkan MIB menjadi kerukunan dan keamanan sejak 600 tahun, Alhamdulillah hidup sentiasa aman dan damai. Inilah kehebatan institusi raja dan rakyat yang wujud ratusan tahun sehingga

membina kesatuan ikatan yang kuat dan teguh 'raja dan rakyat berpisah tiada'.

Di samping itu ia juga melambangkan kecintaan dan ketaatan rakyat kepada kepimpinan baginda yang telah memberikan kesejahteraan dan kemakmuran. Ia juga memperlihatkan kesyukuran rakyat kepada baginda yang telah membawa masyarakat ini khususnya dalam memelihara agama Islam dan kesejahteraan untuk penduduk Negara Brunei Darussalam.

Dengan mata terpujau dengan keindahan Istana Nurul Iman ditambah lagi dengan budaya yang suka melayan *tetamu* serta sentiasa melayan dengan baik atas kedatangan tetamunya, ini dikukuhkan lagi dengan ajaran agama Islam dan diperkukuhkan lagi dengan sistem MIB yang merupakan corak kehidupan masyarakat Brunei.

Di Istana inilah, para tetamu akan diberikan layanan istimewa oleh para petugas dari mula memasuki Istana Nurul Iman dengan disediakan bas pengangkutan. Sebelum berziarah dimulakan, para pengunjung disajikan dengan pelbagai hidangan dan diaturnya berbaris sehinggalah

DI ISTANA inilah, para tetamu akan diberikan layanan istimewa oleh para petugas dari mula memasuki Istana Nurul Iman dengan disediakan bas pengangkutan. Sebelum berziarah dimulakan, para pengunjung disajikan dengan pelbagai hidangan dan diaturnya berbaris sehinggalah berpeluang bersalaman dengan Kebawah DYMM bagi pengunjung lelaki dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri bagi pengunjung wanita.

berpeluang bersalaman dengan Kebawah Duli Yang Maha Mulia bagi pengunjung lelaki dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri bagi pengunjung wanita.

Selesai sahaja bersalaman, di luar perkarangan Istana Nurul Iman, para pengunjung akan membawa tanda kenangan Hari Raya.

Konsep ziarah-menziarahi antara satu dengan yang lain telah digalakkan oleh Islam. Ajaran Islam itu telah memfokus menyuruh umat manusia ini, sentiasa mengenali antara satu dengan yang lain tanpa mengira apapun latar belakang dan agamanya.

Inilah sebenarnya keistimewaan Aidilfitri dalam bulan Syawal yang

tidak terdapat pada bulan lain. Apa tidaknya, pada Hari Rayalah semua keluarga dapat berjumpa dan berkenal-kenalan di antara satu dengan yang lain. Melalui Aidilfitri, segala persengketaan dapat dileraikan dan persaudaraan dapat dijalin dengan baiknya dan jambatan bagi menguatkan lagi tali persaudaraan ke arah yang lebih kukuh dan dinamik.

Ini adalah satu pengajaran yang baik jikalau kita lihat di dunia luar yang sentiasa berlaku ketidakadilan, tindas-menindas, tetapi Alhamdulillah, dengan adanya ajaran Islam dan ada yang sistem MIB, memperlihatkan bahawa kehidupan kita ini bertambah kukuh dan bersatu padu.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam ketika berkenan menerima junjung ziarah dari para pengunjung wanita sempena Sambutan Hari Raya Aidilfitri pada tahun 1434 Hijriah.



ORANG ramai tidak melepaskan peluang berkunjung ke Istana Nurul Iman bagi mengadap dan menjunjung ziarah ke hadapan majlis baginda serta kerabat diraja.

Rumah Terbuka eratkan silaturahmi



MAJLIS Rumah Terbuka lazimnya menghadirkan pelbagai juadah yang menyelerakan maka sebaiknya tuan rumah memastikan juadah sentiasa dalam keadaan yang baik agar tidak menjejaskan kesihatan tetamu (atas dan bawah).



HARI Raya merupakan hari kemenangan bagi umat Islam setelah berpuasa. Ketika inilah lazimnya umat Islam berziarah ke rumah saudara-mara dan sahabat handai bagi memohon kemaafan di samping mengeratkan silaturahmi. Antara kegiatan Hari Raya yang lazim diadakan oleh masyarakat di negara ini ialah Rumah Terbuka.

Rumah Terbuka yang mula giat diadakan kira-kira sekitar tahun 90-an ini merupakan titik pertemuan bagi masyarakat di negara ini untuk mencapai erti perpaduan sebenar. Lazimnya, Majlis Rumah Terbuka turut disertai oleh masyarakat berbilang bangsa.

Ianya juga merapatkan silaturahmi sambil menikmati juadah yang disediakan dan secara tidak langsung dapat mewujudkan semangat kekeluargaan dan memberi kesempatan kepada kita untuk saling bermaaf-maafan dan juga mengukuhkan lagi persahabatan yang sedia terjalin.

Untuk menjamu tetamu yang hadir, pelbagai hidangan juadah turut disediakan. Pelbagai juadah tradisional dan moden yang menyelerakan

lazimnya dihidangkan seperti ketupat, lemang, sate, kambing panggang, nasi, lauk pauk, mi goreng dan lain-lain. Ada yang memasak sendiri dan tidak terkecuali juga menggunakan perkhidmatan katering. Oleh itu adalah penting bagi tuan rumah untuk memastikan agar makanan itu sentiasa direfill agar tetamu akan datang dapat menikmati juadah tersebut. Selain itu kebersihan dan keselamatan makanan juga patut diambil kira oleh tuan rumah agar tidak menjejaskan kesihatan para tetamu. Tutup makanan jika tidak ada lagi tetamu yang mahu mengaut makanan.

Adakalanya tuan rumah mengadakan Rumah Terbuka pada waktu tengah hari. Inilah yang dikatakan rezeki kerana itulah masanya untuk mendapat makan tengah hari secara percuma. Bagi mereka yang bekerja pula, adalah memadai mengadakan Rumah Terbuka diluar waktu bekerja agar tidak menjejaskan kerja-kerja harian di pejabat.

Malah terdapat juga tuan rumah yang mengadakan Rumah Terbuka menetapkan waktu berkunjung bagi saudara-mara, rakan sekerja dan sahabat handai. Ini adalah bagi

memudahkan tuan rumah untuk melayan tetamunya agar mereka yang hadir tidak tersinggung kerana kurang layanan.

BAGI BERPUASA ENAM

Apabila ada jemputan Rumah Terbuka, sebagai tetamu agak sukar bagi kita untuk menolak, lebih-lebih lagi jika kita rapat atau dekat dengan orang yang menjemput itu. Malahan lebih sukar lagi jika kunjungan itu hanya terhad untuk di siang hari sahaja. Ini menyebabkan seseorang yang ingin berpuasa sunat merasa serba salah dalam membuat pilihan.

Dalam hal ini, para ulama telah memberi garis panduan seperti berikut:

Jika puasa yang dilakukan oleh

tetamu tersebut merupakan puasa sunat, maka dia diberikan pilihan sama ada meneruskan puasanya atau berbuka dan tidak meneruskan puasa sunatnya itu. Ini bergantung pada jemputan yang dihidangkannya. Sekiranya tuan rumah berkecil hati jika tetamu tidak memakan makanan yang dihidangkannya, maka dalam keadaan ini adalah dibolehkan bahkan apabila bagi orang yang berpuasa sunat tadi untuk berbuka dan tidak meneruskan puasa sunatnya itu.

Adapun alasan yang diberikan oleh ulama adalah untuk menjaga hati tuan rumah atau mengembirakannya dengan makan makanan yang dihidangkannya.

Sekiranya tuan rumah itu tidak tersinggung atau tidak keberatan jika tetamunya itu meneruskan puasanya. Maka dalam hal itu adalah lebih afdal bagi tetamu itu untuk meneruskan sahaja puasa sunat tersebut.

Manakala jika puasa yang dilakukan itu merupakan puasa wajib seperti puasa qadha Ramadan atau puasa nazar, maka adalah haram baginya untuk berbuka, cukuplah baginya sekadar menghadiri jemputan tersebut dan disunatkan juga ke atasnya untuk mendoakan keberkatan serta keampunan ke atas tuan rumah dan

para tetamu yang hadir.

Bagi tuan rumah iaitu orang yang menjemput adalah afdal dia berbuka jika dia sedang berpuasa sunat ketika itu agar dia dapat menikmati hidangan bersama tetamu. Alasan yang diberikan para ulama ialah sebagai menghormati tetamu. Ini menunjukkan Islam menuntut agar kita melayan tetamu dengan baik.

Rumah Terbuka dapat mewujudkan satu penyatuan atau kekukuhan hidup berkeluarga, bermasyarakat dan bernegara. Ini kerana terdapat di dalamnya konsep kunjung-mengunjungi, ziarah-menziarahi dan bermaaf-maafan yang memang digalakkan dalam Islam dan sesuai dengan falsafah negara Melayu Islam Beraja.

Di negara ini, Majlis Rumah Terbuka bukan saja diadakan oleh orang perseorangan, malah konsep ini turut diguna pakai oleh beberapa jabatan-jabatan dan syarikat-syarikat ketika mengadakan sambutan Hari Raya di tempat kerja. Semua ini adalah bagi mengeratkan silaturahmi sesama warga pekerja dan inilah juga masa untuk berkenalan-kenalan antara pegawai atasan dan bawahan.

RUMAH Terbuka dapat mewujudkan satu penyatuan atau kekukuhan hidup berkeluarga, bermasyarakat dan bernegara. Ini kerana terdapat di dalamnya konsep kunjung-mengunjungi, ziarah-menziarahi dan bermaaf-maafan yang memang digalakkan dalam Islam dan sesuai dengan falsafah negara Melayu Islam Beraja.



KONSEP Rumah Terbuka juga lazim digunakan pada sambutan Hari Raya yang diadakan di jabatan-jabatan kerajaan atau syarikat-syarikat swasta.

Hukum membuat binaan di Tanah Kubur

(Dengan nama Allah, Segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

ISLAM memuliakan umatnya bukan sahaja ketika hidupnya, bahkan selepas mati pun ia tetap dimuliakan dan dipelihara akan haknya. Salah satu contoh terdekat ialah pendirian syariat Islam terhadap kubur. Walaupun kubur merupakan tempat persemadian jasad orang yang sudah meninggal dunia, ia bukanlah satu tempat sembarangan yang boleh diperlakukan sesuka hati. Dalam syariat Islam, perkara kubur mempunyai hukum-hakam, adab-adab yang mesti dipatuhi serta kehormatannya yang tersendiri.

Apabila orang yang dikasihi pergi menyahut seruan Ilahi, perasaan kasih sayang serta ingatan yang ada semasa hidup terhadap simati tidak akan lenyap begitu sahaja, apatah lagi bagi mereka yang paling rapat dengan simati seperti ahli kerabat, keluarga atau waris. Justeru itu, tidak menghairankan adanya kesungguhan serta keprihatinan ahli kerabat, keluarga atau waris dalam menjaga dan memperelokkan lagi kubur-kubur ahli keluarga masing-masing dengan cara menambak kubur-kubur mereka dengan batu atau simen, membina atap, kubah dan seumpamanya. Bahkan ada juga yang membina pelbagai bentuk binaan di sekeliling kubur bagi kemudahan mereka melakukan ziarah seperti binaan yang berbentuk bangku dan yang seumpamanya.

Yang menjadi persoalan di sini ialah jika binaan itu dibuat di tanah perkuburan musabbalah, atau lebih dikenali sebagai tanah perkuburan awam. Kalau kita perhatikan sebahagian binaan yang dibuat itu, ada yang seolah-olah memperlakukan tanah perkuburan musabbalah itu umpama milik persendirian mereka sehingga menjejaskan kawasan kubur-kubur lain yang berdekatan. Ini satu realiti yang dapat kita lihat dengan jelas kerana terdapat sebahagian binaan yang dibuat itu terlalu besar serta merangkumi ruang yang luas hingga mempersempit kawasan tanah perkuburan musabbalah tersebut. Ini dengan sendirinya membataskan atau menyempitkan serta mengurangkan jenazah yang dapat dikebumikan di sana pada masa akan datang. Perkara ini mendasarkan persoalan kerana tanah perkuburan musabbalah merupakan hak milik orang awam dan setiap orang memiliki hak untuk dikebumikan di sana. Apakah syara' membenarkan perlakuan atau tindakan seumpama ini?

Hukum Binaan Yang Dibuat Di Tanah Kubur

Maksud binaan di sini ialah apa sahaja yang dibina di dalam tanah kubur mahupun di atas tanahnya seperti atap, kubah, rumah, masjid, bangku, lantai simen, tambak (dibentengi atau dilingkungi sekeliling kubur itu dengan batu atau simen) dan sebagainya. Tidak kira sama ada binaan tersebut terletak pada ruang liang lahad sahaja, ataupun merangkumi ruang lebih luas daripada itu.

Hukum binaan di tanah kubur berbeza di antara tanah kubur di tanah milik persendirian

dengan tanah kubur yang terletak di tanah perkuburan musabbalah dan wakaf.

1. Binaan Di Tanah Kubur Yang Terletak Di Tanah Milik Persendirian

Sekiranya tanah perkuburan itu adalah tanah milik khas persendirian, maka apa sahaja binaan yang dibuat sama ada di atasnya, di sekelilingnya mahupun di dalam kubur berkenaan adalah makruh hukumnya.

2. Binaan Di Tanah Kubur Yang Terletak Di Tanah Perkuburan Musabbalah Dan Wakaf

Adapun hukum membuat binaan di tanah perkuburan musabbalah pula, iaitu tanah yang biasa digunakan untuk menguburkan mayat di tempat tersebut oleh penduduk kawasan itu, seperti tanah-tanah perkuburan Islam yang disediakan oleh pihak kerajaan di Negara Brunei Darussalam, menurut ulama mazhab asy-Syafi'e, hukumnya adalah haram, sekalipun tidak diketahui asal puncanya dan tiada diketahui orang yang mewakafkan atau mensabilkannya.

Manakala tanah perkuburan yang diwakafkan bagi perkuburan orang Islam pula, hukumnya adalah sama seperti tanah perkuburan musabbalah iaitu haram, tidak kira sama ada diketahui orang yang mewakafkannya ataupun tidak.

Perkara ini ada disebutkan dalam kitab-kitab ulama mazhab asy-Syafi'e, antaranya sepertimana yang dikatakan oleh Imam an-Nawawi *Rahimahullah* dalam kitabnya *al-Majmu'*:

Ertinya: "Sahabat-sahabat kami *Rahimahumullah* berkata: "Tidak ada beza dalam membina binaan itu di antara membina kubah atau rumah atau selain keduanya. Kemudian hendaklah diperhatikan, jika tanah perkuburan itu adalah perkuburan musabbalah (tanah perkuburan orang awam) adalah haram ke atasnya berbuat sedemikian; Sahabat-Sahabat kami berkata (lagi): "Dan hendaklah dirobohkan binaan tersebut tanpa ada pertikaian (para sahabat-sahabat kami)... (Tetapi) jika sekiranya tanah perkuburan itu miliknya sendiri (maka) adalah harus dia membina apa-apa binaan dengan dihukumkan makruh dan tidak dirobohkan (binaan itu)."

Al-'Allamah al-Syaikh Ibrahim al-Baijuri *Rahimahullah* pula berkata:

Ertinya: "Maka adalah dimakruhkan (membina) binaan di atas kubur jika (binaan itu) bukan di tanah perkuburan orang awam mengkebumikan mayat. Jika tidak, (jika binaan itu di tanah perkuburan orang awam) adalah haram (hukumnya) sama ada (binaan itu) di atas tanah atau di dalam tanah. (Oleh itu) adalah wajib ke atas pemerintah meroboh segala binaan-binaan yang terdapat di tanah perkuburan musabbalah bagi tujuan pengkebumian mayat iaitu tanah perkuburan yang telah menjadi kebiasaan penduduk suatu negeri mengkebumikan mayat, kerana ianya menyempitkan ke atas manusia (yang lain); dan (pengharaman itu) tidak ada beza di antara binaan yang berbentuk kubah atau rumah atau masjid atau selainnya yang di antaranya ialah susunan batu-batu yang biasa diketahui (tambak daripada batu atau simen yang

membentengi atau yang melingkungi kubur); (kecuali) apa yang dikecualikan oleh sebahagian ulama seperti kubur para nabi, syuhada, orang-orang salih dan seumpama mereka."

Binaan Di Tanah Kubur Boleh Dirobohkan Jika Ia Menyalahi Syara'

Menurut ulama mazhab asy-Syafie, sekiranya binaan dibuat di atas tanah milik khas persendirian, walaupun hukumnya makruh, binaan itu tidaklah perlu dirobohkan.

Bagaimanapun, jika binaan itu dibuat di tanah perkuburan musabbalah dan wakaf, maka menurut pendapat mukhtamad dalam mazhab asy-Syafi'e, pihak berkuasa atau pemerintah memiliki hak serta autoriti, bahkan wajib merobohkan sebarang binaan di tanah perkuburan musabbalah dan wakaf jika ia bertentangan dengan keizinan syara'.

Sayyidina Umar bin al-Khatthab *Radhiallahu 'anh* pada suatu ketika terlihat satu kubur yang dibina kubah di atasnya. Lalu beliau pun merobohkannya lalu berkata:

Ertinya: "Kamu biarkanlah mayat itu dilindungi oleh amal ibadatnya sendiri."

Adapun sebab kenapa membuat binaan di tanah perkuburan musabbalah ini ditegah oleh syara' dan wajib dirobohkan adalah kerana ia menyempitkan tanah perkuburan orang Islam tanpa sebarang maslahat dan keperluan yang diiktiraf oleh syara'. Hakikatnya, setelah mayat itu hancur luluh anggota badan serta tulang-tulangannya, binaan itu tetap sahaja kekal, dan ini sekaligus menyukarkan atau menghalang mayat yang lain untuk dikebumikan di kawasan tersebut. Ini jelas satu perbuatan menghalang dan mengambil hak orang Islam yang lain yang juga memiliki hak menggunakan tanah perkuburan berkenaan.


Mengenai binaan-binaan yang dibuat di tanah perkuburan musabbalah dan wakaf ini, segala tindakan ke atasnya hendaklah diserahkan kepada kebijaksanaan pihak berkuasa atau pemerintah yang memiliki hak serta autoriti sahaja. Jangan pula orang ramai bertindak sesuka hati meroboh atau membuka binaan tersebut kerana dikhuatiri ini boleh menimbulkan pertelingkahan, perseteruan dan sebagainya.

Bila Binaan Di Tanah Kubur Diharuskan?

Tegahan daripada membuat binaan di tanah kubur ini tidak bersifat mutlak. Ada beberapa keadaan yang diizinkan syara' untuk membuat binaan yang munasabah jika terdapat sesuatu hajat keperluan yang diiktiraf oleh syara', antaranya:

1. Takut digali oleh pencuri atau binatang.
2. Ditakuti runtuh kerana banjir atau tanah susur dan seumpamanya. Ini sepertimana tanah perkuburan yang terletak di kaki bukit atau tanah curam yang dikhuatiri tanah-tanahnya itu runtuh. Maka boleh didirikan binaan seperti sekatan tembok umpamanya bagi menghalang dari terjadinya tanah susur atau runtuh.

Dalam keadaan-keadaan seumpama ini, syara' memberikan keizinan untuk membuat binaan yang munasabah dan bersesuaian bagi menjaga maslahat tanah-tanah kubur berkenaan. Bahkan ia boleh menjadi wajib



sebagaimana yang disebutkan oleh Imam Ibnu Hajar al-Haitami *Rahimahullah* dalam kitabnya *Tuhfah al-Muhtaj*.

3. Sebahagian ulama juga memberikan pengecualian daripada tegahan ini jika kubur tersebut adalah kubur para nabi, para sahabat, para syuhada, para wali, orang-orang salih serta yang seumpama mereka. Sebab, perkara ini dapat membantu memakmurkan kubur mereka dengan amalan ziarah serta *tabarruk* (mengambil berkat) serta menghalang kubur-kubur mereka daripada dibongkar.

Adakah Meletakkan Nisan Di Atas Kubur Juga Ditegah?

Sepertimana yang telah dijelaskan tadi, segala bentuk binaan yang didirikan di tanah kubur yang tidak ada keperluan atau hajat untuk didirikan padanya adalah ditegah.

Berbeza halnya dengan batu nisan. Memandangkan kubur terutamanya kubur-kubur di tanah perkuburan awam biasanya diletakkan berhampiran antara satu sama yang lain, ini akan menyukarkan penziarah mengenal kubur ahli keluarga yang ingin diziarahi. Kerana itu, menurut syara', sunat hukumnya meletakkan nisan di atas kubur kerana ia merupakan hak yang berhubung dengan simati yang berada di dalam kubur.

Demikianlah beberapa penjelasan mengenai hukum binaan yang didirikan di tanah kubur. Orang awam mestilah menyedari dan mengambil perhatian akan hal ini. Sikap tolak ansur dan menghormati hak sesama orang Islam hendaklah diamalkan kerana itu adalah sikap sebenar seorang muslim.

Mayat dalam kubur tidak memerlukan segala binaan tersebut kerana ia tidak mendatangkan apa-apa manfaat ataupun perlindungan bagi mereka. Jadi, sebagai curahan kasih sayang serta bakti untuk simati, adalah lebih baik simati didoakan, disedekahkan pahala serta dipanjatkan amal jariyahnya. Yang demikian itu adalah lebih utama dan lebih bermanfaat untuk simati.

Allahu A'lam



Di hari raya yang mulia dan penuh keberkatan ini, kita umat Islam sebaiknya meraikan dengan penuh kemeriahan tanpa berlebih-lebihan (boros dalam perbelanjaan). Di Hari Raya inilah kebanyakan umat Islam cenderung untuk melakukan pembaziran tanpa mengira akibatnya yang akan datang dengan alasan setahun hanya sekali untuk meraikan hari yang berbahagia ini. Kita lupa akan tujuan sebenar Aidilfitri itu adalah untuk ziarah-menziarahi kaum keluarga serta sahabat handai yang jauh atau dekat untuk bermaaf-maafan di antara satu dengan yang lain demi mendapatkan keredaan Allah Subhanahu Wata'ala.

Elakkan sifat bermegah-megah

Janganlah sampai kita mengorbankan wang ringgit dengan berbelanja sepuas hati sehingga melahirkan perasaan tabur dan riak kerana Islam melarang keras sikap seperti ini sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah al-Israa ayat 27 yang tafsirnya:

"*Sesungguhnya orang-orang yang membazir (membelanjakan harta pada jalan yang salah) itu adalah saudara-saudara syaitan dan syaitan itu adalah sangat kufur kepada Tuhannya.*"

Di Hari Raya ini juga kita sering mendengar dan melihat kebanyakan orang-orang kita yang mampu berbelanja berlebih-lebihan, kadang-kadang terdapat segelintir yang sengahaja berlumba-lumba dalam mencari siapa yang lebih dan siapa yang kurang. Inilah yang dimaksudkan dengan sifat bermegah-megah. Bermegah-megah dengan melimpah ruahnya kuih-muih yang terhidang di atas meja serta perhiasan rumah dan kerusi meja yang mahal-mahal harganya.

Sedangkan pada masa yang sama ada di antara mereka yang miskin dan susah. Pada saat-saat ini mereka merasa sedih dan terharu tetapi mereka inilah yang sebenarnya orang yang bergembira di sisi Allah Subhanahu Wata'ala dalam menerima keberkatan Hari Raya ini.

Dari itu hendaklah kita ingat kepada mereka yang lebih memerlukan iaitu dengan memberikan hak-hak mereka sebagaimana yang diterangkan dalam Al-Qur'an, Surah al-Israa ayat 26 yang tafsirnya:

"*Dan berikanlah kepada kaum kerabat akan haknya (kebaikan dan hubungan silaturahim) dan begitu juga orang miskin serta orang musafir yang terlantar dalam perjalanan (yang terputus perbelanjaannya) dan janganlah engkau membazir (membelanjakan hartamu pada jalan yang menyalahi syara').*"

Bagi umat Islam khususnya yang

berkemampuan dalam perbelanjaan, haruslah ingat dalam memberikan sebahagian harta kepada keluarga-keluarga yang dekat dan jauh (yang kurang mampu), kepada orang miskin serta musafir yang kehabisan perbelanjaan. Janganlah kita membelanjakan harta itu dengan perkara-perkara yang tidak bermanfaat dan janganlah kita boros kerana sesungguhnya sifat pemboros itu adalah sebahagian dari sifat syaitan yang jauh dari keredhaan Allah Subhanahu Wata'ala. Semoga segala amalan dan usaha kita diredhai Allah Subhanahu Wata'ala jua.

Marilah kita bersyukur dengan ketibaan Hari Raya yang mulia ini dengan menyambutnya secara penuh kesedaran dan keinsafan semata-mata kerana Allah dan mudah-mudahan Hari Raya yang kita sambut ini akan menghidupkan semangat keislaman yang sejati untuk kebaikan kita bersama.



Kongsi kegembiraan Hari Raya bersama pembesar negara

Oleh : Hajah Zabaidah Haji Salat
 Foto : Haji Arrifin Mohd. Noor, Ampuan Haji Mahmud
 Ampuan Haji Tengah, Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 29 Julai. - Syukur ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala kerana telah memberikan nikmat keamanan dan kesejahteraan kepada umat Islam di negara yang bertuah ini dan kesempatan untuk meraikan Hari Raya Aidilfitri setelah genap sebulan umat Islam mengerjakan ibadah puasa dan seterusnya mengeluarkan Zakat Fitrah.

Rasa kegembiraan dan kesyukuran menyambut Hari Raya Aidilfitri 1435 Hijriah ini telah dikongsi sama oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam iaitu dengan berkenan menerima mengadap dan junjung ziarah para pembesar negara, termasuk Yang Amat Mulia Pengiran-Pengiran Cheteria, Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet, Timbalan-Timbalan Menteri, para diplomat asing di negara ini, Setiausaha-Setiausaha Tetap, Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap, Ahli-Ahli Yang Berhormat, dan pegawai-pegawai kanan kerajaan bersama isteri masing-masing.

Majlis berlangsung dengan penuh kesyukuran dan harmoni di Istana Nurul Iman, di sini.

Majlis Junjung Ziarah bagi para pembesar-pembesar negara dan diplomat-diplomat asing di negara ini berlangsung setiap tahun bila menjelangnya 1 Syawal, iaitu sebagai salah satu cara baginda berkongsi hari kemenangan umat Islam iaitu Hari Raya Aidilfitri dengan rakyat dan para diplomat asing, di samping bagi mengeratkan lagi hubungan silaturrahim.

Berangkat sama pada majlis itu ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka

Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Wakeel.

Juga berangkat bagi meraikan sambutan Hari Raya Aidilfitri itu ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatull Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadzilah Lubabul Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Ameerah Wardatul Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Noor Ehsani, cucunda-cucunda Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan kerabat diraja yang lain.

Majlis Junjung Ziarah Hari Raya Aidilfitri tersebut berlangsung dengan penuh kegembiraan, lebih-lebih lagi baginda berdua dan kerabat diraja yang lain berkenan menerima sembah ucapan 'Selamat Hari Raya Aidilfitri' dan seterusnya beramah mesra bersama dengan para tetamu yang hadir.

Para tetamu juga disajikan dengan pelbagai aneka juadah Hari Raya, yang sudah setentunya menambahkan lagi rasa kesyukuran dan kegembiraan menyambut hari kemenangan umat Islam itu.

Di samping para tetamu dapat menyaksikan sendiri akan kemeriahan baginda berdua dan kerabat diraja yang lain.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan menerima junjung ziarah isteri diplomat asing.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen berkenan menerima junjung ziarah mantan Pesuruhjaya Polis dan Pemerintah ABDB.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha bersama putera dan puteri baginda berkenan menerima junjung ziarah para pembesar negara dan diplomat asing ke negara ini (atas), sementara gambar bawah kiri, baginda berkenan berbual bersama Timbalan-Timbalan Menteri Kabinet.



KEBAWAH DYMM dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan berbual mesra dan menerima junjung ziarah para pembesar negara (atas dan atas kiri).



Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik berkenan menerima junjung ziarah para pembesar negara (kiri).

YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatull Bolkiah; YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolkiah; YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah; YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah; YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadzilah Lubabul Bolkiah; YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna dan YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam berangkat ke majlis tersebut (kanan).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan putera-puteri baginda berkenan berangkat menerima mengadap dan junjung ziarah para pembesar negara, para diplomat asing di negara ini (kanan), Setiausaha-Setiausaha Tetap, Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap, Ahli-Ahli Yang Berhormat, dan pegawai-pegawai kanan kerajaan bersama isteri masing-masing.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan bergambar ramai bersama isteri para pembesar negara sempena Sambutan Hari Raya Aidilfitri. Juga kelihatan ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Ameerah Wardatul Bolkiah dan cucunda Kebawah DYMM.

Majlis Khatam Al-Qur'an KHEDN

Oleh : Dk Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 25 Julai. - Acara-acara keagamaan terus diadakan di negara ini dalam sama-sama meraih pahala yang berlipat ganda dalam bulan Ramadan yang penuh berkat ini.

Antara yang giat mengendalikan acara seumpamanya ialah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) yang mana kementerian berkenaan telah mengadakan Majlis Khatam Al-Qur'an berlangsung di rumah kediaman Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman di Kampung Sungai Besar, di sini.

Majlis dimulai dengan bacaan Surah Al Faatihah beramai-ramai dikepalai

oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri bagi memohon keredaan Allah Subhanahu Wata'ala dan keberkatan majlis, diikuti dengan bacaan Khatam Al-Qur'an, bacaan takhtim dan tahlil disertai oleh semua yang hadir.

Majlis juga diselenggarakan dengan berbuka puasa.

Antara yang hadir ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusof; Setiausaha-Setiausaha Tetap, Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan dan pegawai-pegawai kanan kementerian ini.

Majlis turut dihadiri oleh Ahli-ahli Takmir Masjid Kampung Sungai Besar.



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman semasa hadir di Majlis Khatam Al-Qur'an KHEDN di kediamannya di Kampung Sungai Besar.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato Paduka Dr. Haji Affendy bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Paduka Haji Abidin ketika hadir di Majlis khatam Al-Qur'an bagi Jabatan Bandaran Tutong berlangsung di Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong.

Jabatan Bandaran Tutong adakan Khatam Al-Qur'an

TUTONG, Jumaat, 25 Julai.- Penghujung bulan Ramadan ini, majlis-majlis Khatam Al-Qur'an terus diadakan oleh pelbagai pihak di negara ini menandakan berakhirnya bacaan 30 juzuk Al-Qur'an.

Jabatan Bandaran Tutong buat julung kalinya petang tadi telah mengadakan Majlis Khatam Al-Qur'an bagi Ahli-ahli Lembaga dan pegawai serta kakitangan jabatan berkenaan.

Hadir pada majlis yang berlangsung di Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong, di sini ialah Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato Paduka Dr. Haji Affendy bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Paduka Haji Abidin.

Majlis didahului dengan bacaan Surah Al Faatihah dipimpin oleh Ketua Imam masjid

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Hamzah Mohiddin

berkenaan diikuti dengan bacaan surah-surah lazim beramai-ramai disusuli dengan bacaan takhtim dan tahlil oleh Ahli Jawatankuasa Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong serta para jemaah masjid.

Majlis keagamaan itu merupakan salah satu kegiatan tahunan Jabatan Bandaran Tutong dalam menyemarakkan bulan suci Ramadan.

Antara tujuan majlis ialah untuk mengeratkan silaturahim dalam kalangan Ahli-ahli Lembaga dan juga pegawai serta kakitangan jabatan berkenaan, di samping merealisasikan hasrat Jabatan Bandaran Tutong untuk mendekati masyarakat khususnya di Daerah Tutong.

PBP peduli anak yatim, OKU

Berita dan Foto :
Hezlinawati Haji Abdul Karim

TEMBURONG, Jumaat, 25 Julai. - Kebajikan anak-anak yatim dan golongan orang kurang upaya (OKU) di negara ini terus mendapat pemedulian dari pelbagai pihak pada bulan Ramadan ini agar mereka dapat sama-sama bergembira pada Hari Raya Aidilfitri yang akan tiba beberapa hari lagi.

Dalam satu majlis yang diadakan di Dewan Kemasyarakatan Mukim Bokok, Rancangan Perumahan Negara Kampung Rataie, Mukim Bokok seramai sembilan anak yatim dan seorang dari golongan OKU telah menerima sumbangan dari Persatuan Bekas Perajurit (PBP) Cawangan Daerah Temburong.

Penyerahan sumbangan berupa wang dan barang keperluan Hari Raya yang

disumbangkan oleh Markas Tentera Darat Diraja Brunei (TDDB) dan ahli-ahli PBP Cawangan Daerah Temburong itu diserahkan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad.

Sumbangan yang dihulurkan pada Majlis Sumbangan Kasih Anak-Anak Yatim dan OKU bagi ahli-ahli PBP Cawangan Daerah Temburong itu merupakan salah satu projek tahunan persatuan berkenaan, di samping untuk meraih pahala berlipat ganda yang dijanjikan oleh Allah Subhanahu Wata'ala bagi setiap amalan yang dilakukan pada bulan Ramadan yang Mubarak ini.

Antara yang hadir dalam majlis berkenaan ialah Pengerusi PBP Cawangan Daerah Temburong, PW1 (B) Awang Yunus bin Mohammad serta ahli-ahli persatuan tersebut.



AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad semasa menyampaikan sumbangan kepada seorang anak yatim kepada ahli Persatuan Bekas Perajurit Cawangan Daerah Temburong.

MINDEF sumbangkan derma kepada anak yatim



SETIAUSAHA Tetap (Pembangunan & Dasar Pertahanan), Kolonel (B) Pengiran Dato Paduka Haji Amansham bin Pengiran Haji Mohamad menyampaikan sumbangan derma dari MINDEF kepada seorang anak yatim.

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 25 Julai. - Dalam sama-sama meringankan beban anak-anak yatim bagi menampung perbelanjaan menjelang sambutan Hari Raya

Aidilfitri nanti, Kementerian Pertahanan mengadakan Majlis Penyampaian Derma kepada anak-anak yatim bagi anak-anak pegawai dan kakitangan awam yang berkhidmat di

kementerian tersebut.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian sumbangan kepada anak-anak yatim ialah Setiausaha Tetap (Pembangunan dan Dasar Pertahanan) Kementerian Pertahanan, Kolonel (B) Pengiran Dato Paduka Haji Amansham bin Pengiran Haji Mohammad.

Pada majlis yang berlangsung di Surau Bolkiah Garison itu, seramai 46 anak yatim terdiri daripada 23 lelaki dan 23 perempuan menerima sumbangan daripada pegawai-pegawai dan kakitangan awam kementerian berkenaan.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan tahlil dan doa selamat beramai-ramai dipimpin oleh Penolong Pegawai Ugama, Kementerian Pertahanan, Awang Ariffin bin Tuah.

Majlis bertujuan untuk membantu anak-anak yatim, mengeratkan silaturahim, di samping memanjatkan doa ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala untuk memohon agar roh-roh ahli keluarga yang telah kembali ke rahmatullah akan ditempatkan dalam kalangan roh orang-orang yang beriman.

JBS agihkan keperluan asas melalui Jalinan Kasih Belia

TUTONG, Rabu, 23 Julai. - Lebih 60 sukarelawan belia menyertai aktiviti kerja amal dan mengagih-agihkan barang keperluan asas untuk menyambut Hari Raya Aidilfitri dan juadah berbuka puasa kepada keluarga yang memerlukan di Daerah Tutong melalui Program Jalinan Kasih Belia Ke-4 2014 anjuran Jabatan Belia dan Sukan (JBS), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS).

Program Jalinan Kasih Belia ini merupakan salah satu usaha dan mekanisme JBS, KKBS melalui Kelab Sukarelawan Pusat Belia Daerah Tutong ke arah meningkatkan kesedaran dan keprihatinan para belia, di samping dapat berkongsi kebahagiaan bersama keluarga / masyarakat yang memerlukan khususnya di Daerah Tutong ini.

Selain daripada itu, Program Jalinan Kasih Belia ini juga adalah program tahunan JBS untuk mendedahkan para belia di negara ini amnya dan Daerah Tutong khasnya supaya mempunyai rasa tanggungjawab dan kebersamaan sesama manusia dengan mengukuhkan kegiatan-kegiatan yang berkebaikan terhadap keluarga / masyarakat yang memerlukan bantuan tanpa mengira bangsa dan agama.

Program yang julung-julung kalinya diadakan ini telah

berjaya mendekatkan para belia dengan masyarakat khususnya keluarga / masyarakat yang kurang berkemampuan dengan memberikan sumbangan dan khidmat bakti mereka seperti membuat kerja-kerja kemasyarakatan terhadap masyarakat yang memerlukan bantuan khususnya di daerah ini.

Program seumpama ini tidak hanya tertumpu pada bulan Ramadan Al-Mubarak ini sahaja, malah ia telah dilaratkan sepanjang tahun ini dengan melibatkan lebih ramai lagi golongan belia bagi sama-sama menanamkan rasa kesedaran dan prihatin serta pemedulian kepada masyarakat yang memerlukan bantuan melalui kerja-kerja amal dan sukarela tanpa mengharapkan sebarang imbalan.

Ekspedisi Program Jalinan Kasih Belia hari ini tertumpu di Daerah Tutong yang melibatkan 10 buah rumah atau keluarga yang terpilih dan dikenal pasti oleh para belia yang melibatkan Kampung Bukit Udal, Lubuk Pulau, Kiudang dan Birau.

Antara kegiatan yang dimuatkan dalam program kali ini ialah membuat kerja-kerja kemasyarakatan membersihkan kawasan rumah warga yang mendapat bantuan dan mengagihkan sumbangan barang makanan asasi daripada orang ramai seperti beras, gula, minuman, roti, kuih



PENGARAH Belia dan Sukan, Awang Haji Abdul Malik Bin Haji Mohamad bersama belia-belia dan salah seorang penerima sumbangan.

raya dan termasuklah juga barang-barang keperluan asas yang lainnya.

Selain mengagih-agihkan barang bantuan dan mengadakan kerja-kerja kemasyarakatan, program ini juga dimuatkan dengan aktiviti belia memasak kuih raya yang berpusat di Pusat Belia, Bandar Seri Begawan. Hasil daripada tangan belia ini juga diagih-agihkan kepada keluarga / masyarakat yang dikenal pasti oleh para belia itu sendiri.

Perkara yang lebih memberikan kesan sangat mendalam kepada para belia ialah memberi bantuan kepada anak-anak yatim di Daerah Tutong ini.

Hadir selaku ketua rombongan menyampaikan sumbangan ini ialah Pengarah Belia dan Sukan, Awang Haji Abdul Malik bin Haji Mohamad juga memberikan bantuan ialah rombongan daripada pegawai dan kakitangan JBS, KKBS, ahli

Sukarelawan Bekas Peserta 4DBest, Bekas Peserta Rancangan Kapal Belia, Bekas Pelatih Program Khidmat Bakti Negara, Kelab 4WD JBS, Sukarelawan B.A.K.T.I dan JDG Charitable Association serta Kelab Sukarelawan Pusat Belia daerah Tutong.

Jadual pergerakan aktiviti pengagihan di keempat-empat daerah iaitu 23 Julai di Daerah Tutong dan 26 Julai di Daerah Brunei Muara.

Sembilan ibu tunggal terima sumbangan BISTARI

Berita dan Foto : Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli

KUALA BELAIT, Rabu, 23 Julai. - Seramai sembilan ibu tunggal yang kurang berkemampuan di Daerah Belait telah terpilih menerima sumbangan derma dari Badan Kebajikan Isteri-Isteri Pegawai dan Pegawai-Pegawai Wanita Kerajaan Brunei (BISTARI).

Sumbangan disampaikan oleh Pengerusi BISTARI, Datin Hajah Khadijah binti Haji Akbar di program prihatin yang diungkuhkan oleh BISTARI dengan kerjasama Persatuan Kebajikan Perempuan (PKP) Daerah Belait di Dewan Mini Pusat Belia, Jalan Bunga Rambai, di sini.

Datin Hajah Khadijah memberitahu, sumbangan tersebut merupakan salah satu aktiviti tahunan BISTARI yang hasil sumbangan diperolehi daripada zakat harta bagi membantu ibu-ibu tunggal terutama sekali di sambutan Hari Raya Aidilfitri.

Menurut beliau, senarai nama para penerima sumbangan diperolehi melalui kerjasama badan-badan atau persatuan-persatuan tertentu seperti PKP Daerah Belait. Sumbangan derma pada tahun ini mula diadakan di Daerah Brunei dan Muara diikuti di Daerah Tutong dan seterusnya di Daerah Belait bagi membantu meringankan beban ibu-ibu tunggal dalam membuat persediaan

menyambut Hari Raya yang bakal menjelang tiba.

Beliau menyatakan, melalui sumbangan tersebut, BISTARI berharap dapat membantu ibu-ibu tunggal menyambut Hari Raya bersama keluarga masing-masing.

Ahli BISTARI yang ada ketika ini berjumlah lebih 200 orang. "BISTARI amat mengalu-alukan wanita-wanita dari kalangan pegawai-pegawai kerajaan yang ingin menjadi ahli-ahli BISTARI," kata Datin Hajah Khadijah.

BISTARI ditubuhkan lebih 30 tahun lalu berfungsi untuk membantu kaum wanita untuk mempertingkatkan ekonomi khususnya ibu-ibu tunggal.

Selain menyumbangkan bantuan kewangan, BISTARI juga memberikan bantuan berupa peralatan mengikut kesesuaian dan kemahiran ibu-ibu tunggal tersebut supaya mereka berdikari dan mampu menyara hidup mereka sendiri tanpa meminta bantuan daripada mana-mana pihak.

BISTARI juga memberi bantuan kepada kanak-kanak sekolah rendah dan menengah melalui pihak sekolah. "Kanak-kanak yang dikenal pasti akan menerima sumbangan berupa keperluan sekolah seperti pakaian seragam sekolah, peralatan sekolah dan bayaran yuran sekolah sepanjang

PENGERUSI BISTARI, Datin Hajah Khadijah binti Haji Akbar menyampaikan sumbangan derma kepada seorang ibu tunggal di Daerah Belait.

tahun. Selain itu kanak-kanak berkenaan juga diberi kupon makanan. Kupon makanan tersebut untuk jangka masa selama setahun," jelas Pengerusi BISTARI.

"Sebanyak 11 buah sekolah yang mendaftar dengan BISTARI yang dikenal pasti mempunyai pelajar-pelajar yang kurang berkemampuan telah menerima bantuan sedemikian, bagaimanapun projek ini diberhenti-



kan seketika disebabkan faktor-faktor dalaman," ungunya.

Antara yang hadir termasuk Setiausaha BISTARI, Datin Hajah Rosmah binti Haji Sulaiman; Yang Di-

Pertua PKP, Dayang Hajah Kertini binti OKPSD Abang Haji Abu Hanifah dan Naib Yang Di Pertua PKP, Dayang Hajah Nauyah binti Ahmad serta beberapa orang ahli PKP.

Anak yatim, ibu tunggal terima sumbangan derma

Oleh : Aimi Sani
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 23 Julai. - Ibu-ibu tunggal serta anak-anak yatim kalangan pelajar Sekolah Rendah IQRA dan Sekolah Membaca Al-Qur'an IQRA hari ini menerima bantuan derma pada majlis yang berlangsung di Dewan Serbaguna sekolah berkenaan, Jalan Manggis.

Majlis Penyampaian Sumbangan Derma Amal Jariah Untuk Pelajar-Pelajar Yatim dan Ibu Tunggal Sekolah Rendah IQRA dan Sekolah Membaca Al-Qur'an IQRA disempurnakan oleh Pemangku Yang Di-Pertua IQRA, Awang Haji Missele bin Haji Abdullah selaku tetamu kehormat.

Pada tahun ini seramai 53 pelajar menerima sumbangan berbentuk wang tunai dan seramai 30 ibu tunggal menerima sumbangan berupa hamper Hari Raya dan minuman, sumbangan adalah hasil dari kutipan pegawai dan kakitangan serta guru-guru sekolah juga termasuk sumbangan daripada orang-orang persendirian.

Majlis juga turut diselenggarakan



PEMANGKU Yang Di-Pertua IQRA, Awang Haji Missele bin Haji Abdullah selaku tetamu kehormat hadir pada Majlis Penyampaian Sumbangan Derma Amal Jariah Untuk Pelajar-Pelajar Yatim dan Ibu Tunggal Sekolah Rendah IQRA dan Sekolah Membaca Al-Qur'an IQRA.

dengan Penyampaian Hadiah Penghargaan kepada dua pelajar yang berjaya terpilih ke Peringkat Akhir Pertandingan Menghafaz Ayat-Ayat Suci Al-Qur'an Berserta Pemahaman Sempena Majlis Sambutan Nuzul

Al-Qur'an Peringkat Negara Bagi Tahun 1435H / 2014M.

Dengan sumbangan bantuan dan sokongan tersebut insyaaAllah IQRA akan mencapai sasarannya untuk kesejahteraan insan dan bersatu padu ke arah kebajikan dan takwa.



ANTARA ibu-ibu tunggal di Daerah Belait yang menerima sumbangan derma dari BISTARI.

KHUTBAH HARI RAYA AIDILFITRI 1435H

Bersatu memperkukuhkan kesatuan umat Islam

Khutbah Pertama

Allahu Akhbar, Allahu Akhbar,
Allahu Akhbar,

Di pagi yang mulia dan penuh berkat ini, marilah sama-sama kita perbanyakkan rasa syukur dan meningkakan ketaqwaan kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan sebenar-benar taqwa. Marilah kita mentaati segala perintah Allah Subhanahu Wata'ala dan meinggalkan segala laranganNya, mudah-mudahan kita dikasih Allah Subhanahu Wata'ala serta mendapat perlindunganNya di dunia dan di akhirat.

Allahu Akhbar, Allahu Akhbar,
Allahu Akhbar,

Alhamdulillah kita telah berada di pagi Syawal yang mulia, pada hari ini juga kita menzahirkan rasa kesyukuran dan kegembiraan setelah berjaya menyempurnakan ibadah puasa sepanjang bulan Ramadan yang baru saja berlalu telah meninggalkan kesan yang mendalam di lubuk hati kita sebagai orang yang beriman. Kejayaan kita melalui Ramadan Al-Mubarak pada tahun ini mudah-mudahan akan meningkatkan lagi ketaqwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Sesungguhnya takqwalah yang membezakan antara orang-orang yang beriman dengan orang-orang yang tidak beriman. Sesungguhnya orang-orang yang beriman itu merekalah yang mendapat kemenangan dan menjadi ahli syurga. Ganjaran syurga merupakan setinggi-tinggi pencapaian dan destinasi terakhir dalam kehidupan insan yang bertaqwa. Ini jelas sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Hasyr ayat 20:

Tafsirnya: "Tiadalah sama penghuni neraka dengan ahli syurga. Ahli syurga itu ialah orang-orang yang berjaya."

Dengan kedatangan 1 Syawal ini umat Islam diseluruh dunia dari pelbagai bangsa dan peringkat umur, bersama-sama melafazkan takbir, tahmid dan tasbih, sebagai tanda mengagungkan kebesaran Allah Subhanahu Wata'ala dan tanda kejayaan mendidik dan mengawal nafsu di bulan Ramadhan yang penuh berkat.

Ingatlah wahai kaum muslimin, selama di bulan Ramadan, kita dilatih melaksanakan ibadah-ibadah fardhu dan sunat seperti Sembahyang Fardhu Isyak Berjemaah, Sembahyang Sunat Tarawih, bertedurus Al-Qur'an, qiamullail, bersahur, memperbanyakkan sedekah dan sebagainya. Semuanya itu merupakan hasil dari didikan Ramadan yang boleh mendurung kita ke arah menjadi umat yang bertaqwa.

Ketahuilah bahawa perjuangan untuk mewujudkan masyarakat bertaqwa ini menjadi tanggungjawab kita bersama sebagai umat Islam. Maka seluruh umat Islam tanpa mengira latar belakang, kedudukan, bangsa dan

pangkat serta darjat perlulah bergerak, berjuang dan bersatu memperkukuhkan kesatuan umat Islam. Sesungguhnya Allah Subhanahu Wata'ala memerintahkan kita agar bersatu dan berpegang dengan agama Allah, sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ali 'Imran ayat 103:

Tafsirnya: "Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali (agama) Allah dan janganlah kamu bercerai-berai dan ingatlah nikmat Allah kepada kamu ketika kamu bermusuhan-musuhan (semasa jahiliah dahulu) lalu Allah menyatukan antara hati kamu (dengan nikmat agama Islam), maka jadilah kamu dengan nikmatNya itu orang-orang Islam yang bersaudara. Dan didahulunya kamu berada ditepi jurang neraka lalu Allah menyelamatkan kamu daripadanya (dengan sebab nikmat Islam). Demikianlah Allah menjelaskan kepada kamu ayat-ayat keterangan supaya kamu mendapat hadiah."

Allahu Akhbar, Allahu Akhbar,
Allahu Akhbar,

Kita sebagai umat Islam di negara ini sewajarnya bersyukur di atas nikmat keimanan dan perpaduan di negara ini. Kita amatlah bersyukur kerana telah ditakdirkan hidup di dalam sebuah negara Islam yang melaksanakan hukum kanun jenayah mengikut hukum Islam. Selaku rakyat dan penduduk di engara ini, marilah kita sama-sama memberi sokongan dan kerjasama dalam Pelaksanaan Hukum Kanun Jenayah Syar'iah demi untuk mendapat keredhaan Allah Subhanahu Wata'ala.

Akan tetapi tidak dinafikan, memang terdapat cabaran yang kita hadapi daripada mereka yang jahil tentang agama Islam yang terang-terangan menentang pelaksanaan Hukum Kanun Jenayah Syar'iah di negara ini. Ketahuilah bahawa undang-undang Islam mengatur seluruh kehidupan manusia baik secara individu, berkeluarga, bermasyarakat, bernegara serta mengatur hubungan sesama manusia, hubungan dengan Allah Subhanahu Wata'ala, hubungan dengan alam dan makhluk-makhluk yang lain. Undang-undang Islam juga mengatur hubungan antara rakyat dengan pemerintah, orang Islam dengan yang bukan Islam, negara dengan negara, dan dunia dengan akhirat.

Undang-undang Islam juga tidak terbatas untuk suatu kaum sahaja, dan tidak terbatas untuk suatu masa yang tertentu sahaja, dan tidak terbatas pada suatu tempat dan keadaan sahaja, tetapi undang-undang Allah Subhanahu Wata'ala ini sesuai untuk semua kaum, semua tempat, semua keadaan dan zaman. Undang-undang Islam tidak lapuk ditelan zaman dan tidak boleh berubah serta tidak boleh diubah.

Melaksanakan undang-undang Islam ini adalah tugas dan kewajiban kita semua dan tidak wajar bagi kita menerima sebahagian daripada undang-undang Islam ini dan menolak atau mengabaikan sebahagian yang lain. Allah Subhanahu Wata'ala telah memerintahkan agar kita mengikut serta patuh dan taat terhadap



YANG Berhormat Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Haji Awang Yahya bin Haji Ibrahim ketika menyampaikan Khutbah Hari Raya Aidilfitri di Masjid Omar 'Ali Saifuddin.

DAN berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali (agama) Allah dan janganlah kamu bercerai-berai dan ingatlah nikmat Allah kepada kamu ketika kamu bermusuhan-musuhan (semasa jahiliah dahulu) lalu Allah menyatukan antara hati kamu (dengan nikmat agama Islam), maka jadilah kamu dengan nikmatNya itu orang-orang Islam yang bersaudara. Dan didahulunya kamu berada ditepi jurang neraka lalu Allah menyelamatkan kamu daripadanya (dengan sebab nikmat Islam). Demikianlah Allah menjelaskan kepada kamu ayat-ayat keterangan supaya kamu mendapat hadiah.

perintahNya. Sebagaimana firmanNya dalam Surah Al-Araaf ayat 3:

Tafsirnya: "Ikutlah wahai manusia apa yang telah diturunkan kepada kamu dari Tuhan kamu dan janganlah kamu mengikut pemimpin-pemimpin selainnya. Sedikit benar kamu mengambil peringatan."

Adapun kepatuhan terhadap undang-undang Islam adalah kewajiban yang tidak boleh diabaikan. Golongan mukmin sebenar ialah mereka yang taat dan patuh kepada perintah Allah Subhanahu Wata'ala dan rasulNya, mereka menerima dan

melaksanakan undang-undang Islam itu sepenuhnya tanpa ragu dan syak. Sama-samalah kita memohon ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala agar negara kita akan sentiasa mendapat rahmat dan pertolongan Allah Subhanahu Wata'ala berkat kita melaksanakan perintahNya. Amin ya rabbal alamin.

Surah Al-Ma'idah ayat 74:

Tafsirnya: "Dan sesiapa yang tidak menetapkan hukum mengikut apa yang telah diturunkan oleh Allah maka mereka itulah orang-orang yang fasik."

KHUTBAH HARI RAYA AIDILFITRI 1435H

Sambut Aidilfitri secara berseederhana, tidak membazir

Khutbah Kedua

Allahu Akhbar, Allahu Akhbar, Allahu Akhbar,

HARI ini kita meraikan Aidilfitri sebagai tanda kita berjaya menunaikan amanah melaksanakan kerohanian di bulan Ramadan. Didikan Ramadan yang mendisiplinkan diri kita sepanjang hari, memberikan suatu pengisian yang sangat bermakna dalam menjalani kehidupan yang berkualiti. Didikan Ramadan yang telah kita lalui itu seperti melaksanakan tuntutan fardhu mahupun sunat, dan mengawal nafsu serta menjaga segala bentuk maksiat seperti maksiat mata, maksiat telinga, maksiat mulut agar tidak merosakkan ibadah puasa. Semua itu telah dapat kita tempuhi dengan didikan Ramadan tersebut. Oleh yang demikian, segala didikan yang telah dilaksanakan sepanjang Ramadan itu hendaklah diteruskan di bulan-bulan yang lain secara istiqamah. Janganlah hanya di bulan Ramadan sahaja kita rajin beramal ibadah, di bulan-bulan lain merasa malas untuk beramal ibadah.

Allahu Akhbar, Allahu Akhbar, Allahu Akhbar,

Sesungguhnya pengertian Aidilfitri membawa makna yang mendalam iaitu "Id" bererti kembali, perayaan atau ulang tahun. Manakala "Fit" bermaksud terbuka atau makan minum, di mana seluruh umat Islam pada hari ini diwajibkan berbuka dan diharamkan berpuasa, ia juga membawa maksud fitrah atau tabiat asal kejadian manusia yang suci bersih, di mana setelah sebulan berpuasa di bulan Ramadan.

Lazimnya kemeriahan Aidilfitri dapat dirasakan dengan rumah-rumah yang dihiasai lampu-lampu cucul berwarna-warni, sanak saudara berkumpul beramai-ramai, memakai pakaian yang cantik dan berseri-seri serta beraneka juadah yang tersedia. Kemeriahannya juga dapat dirasakan dengan kita berkumpul di masjid ini untuk menunaikan Sembahyang

DALAM keghairahan meraikan Aidilfitri, janganlah sampai kita melakukan pembaziran kerana pembaziran itu dibenci oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Sambutlah Hari Raya ini dengan mengikut kemampuan masing-masing.

Apa yang penting biarlah berseederhana kerana Islam mengajar kita melakukan sesuatu perkara secara berseederhana dan tidak membazir.

Sunat Hari Raya Aidilfitri dan mendengar khutbah. Kita bersalam-salaman untuk memohon keampunan semuga semua salah silap dimaafkan, perselisihan atau perbalahan dilupakan dan mana-mana yang kusut kembali dileraikan. Kita juga mengadakan rumah terbuka, menjemput sanak saudara, jiran tetangga dan rakan taulan serta saling ziarah-menziarahi dan kunjung-mengunjungi.

Amalan ziarah-menziarahi ini bertepatan dengan usaha-usaha murni menghidupkan sunah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, jika pada waktu atau bulan-bulan yang lain, kita tiada kesempatan kerana kesibukan dengan tugas mengurus rutin harian, maka dikesempatan inilah kita dapat menjalin semula keakraban dengan jiran tetangga, saudara-mara dan sahabat handai. Sesungguhnya inilah masa yang paling sesuai untuk kita menghubungkan dan mengeratkan lagi silaturahim sesama kita.

Dalam keghairahan meraikan Aidilfitri, janganlah sampai kita melakukan pembaziran kerana pembaziran itu dibenci oleh Allah

Subhanahu Wata'ala. Sambutlah Hari Raya ini dengan mengikut kemampuan masing-masing. Apa yang penting biarlah berseederhana kerana Islam mengajar kita melakukan sesuatu perkara secara berseederhana dan tidak membazir. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al Isra' ayat 27:

Tafsirnya: "Sesungguhnya orang-orang yang membazir (membelanjakan harta pada jalan yang salah) itu adalah saudara-saudara syaitan dan syaitan itu adalah sangat kufur kepada tuhanNya."

Para hikmah juga ada menyatakan:

Maksudnya: "Sebaik-baik perkara itu adalah yang pertengahan."

Allahu Akhbar, Allahu Akhbar, Allahu Akhbar,

Dalam suasana kita meraikan kegembiraan ini, janganlah kita lupa akan keperitan dan kesengsaraan yang sedang dialami oleh saudara seagama kita yang berada di mana sahaja seperti saudara kita yang berada di Palestin. Kita sedang bergembira meraikan Aidilfitri, mereka di sana dalam kegelisahan, ketakutan, berendam air mata dan disibah darah kerana menghadapi penindasan dan serangan musuh durjana zionis berupa pengeboman yang tidak berperikemanusiaan tanpa ada belas kasihan sehingga mengakibatkan korban yang kebanyakan orang awam termasuk kanak-kanak dan wanita, serta memusnahkan harta benda dan kehidupan masyarakat di sana. Mereka yang masih hidup pula kehilangan tempat tinggal dan bersedih kerana kehilangan orang yang tersayang serta anak-anak kehilangan ibu bapa, dan ibu bapa kehilangan anak-anak.

Apabila menyaksikan penderitaan yang dialami oleh mereka yang menghadapi musibah tersebut, sudah setentunya tersirat di dalam hati dan sanubari kita perasaan belas

kasihan dan simpati terhadap nasib yang menimpa mereka. Sebagai umat Islam yang diikat dengan tali persaudaraan dan kasih sayang sesama Islam, kita berserta dengan negara-negara Islam yang lain dan juga negara-negara yang mencintai keamanan dan kedamaian amatlah kesal di atas kejadian ini. Oleh yang demikian, marilah kita memohon pertolongan daripada Allah Subhanahu Wata'ala dengan berdoa semoga saudara Islam kita di Palestin diselamatkan daripada kekejaman musuh serta penderitaan yang mereka alami berakhir dengan segera. Seterusnya semoga mereka akan dapat merasai hidup yang aman dan damai seperti yang kita nikmati.

Bagi kita yang diberikan kesempatan untuk melalui Ramadan Al-Mubarak dan meraikan Syawal yang penuh keberkatan ini, marilah sama-sama kita memperbanyakkan bekalan dengan menjadikan ditiap-tiap kehidupan kita selanjutnya dengan amalan soleh sebagai kesinambungan dari amalan sepanjang Ramadan yang baru berlalu. Maka semua amalan tersebut diterima oleh Allah Subhanahu Wata'ala sebagai amalan yang diredhaiNya. Raikanlah Aidilfitri ini dengan rasa penuh tawaduk dan merendahkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan ambillah kesempatan ini untuk kita menjalankan hubungan silaturahim sesama kita, buanglah yang keruh ambillah yang jernih. Semoga sambutan Hari Raya Aidilfitri kali ini diwarnai dengan penuh kegembiraan serta rahmat dan keredhaan Allah Subhanahu Wata'ala. Amin ya rabbal alamin.

Surah Hujurat ayat 10:

Tafsirnya: "Sesungguhnya orang-orang yang beriman itu adalah bersaudara maka demikianlah di antara dua saudara kamu (yang bertelingkah) itu dan bertaqwalah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat."

SESUNGGUHNYA orang-orang yang membazir (membelanjakan harta pada jalan yang salah) itu adalah saudara-saudara syaitan dan syaitan itu adalah sangat kufur kepada tuhanNya.



PARA jemaah yang hadir bagi menunaikan Sembahyang Sunat Aidilfitri di Masjid Omar 'Ali Saifuddin.

Kebajikan anggota JBP tidak diabaikan

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 22 Julai. - Hari Raya Aidilfitri yang hanya tinggal lebih kurang seminggu saja lagi menjelang tiba, kini semakin terasa keceriaannya.

Shubungan itu, seperti lazimnya kebajikan anggota bomba juga tidak dilupakan terutama bagi mereka yang akan bertugas pada Hari Raya nanti.

Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) hari ini mengadakan Majlis Penyampaian Minuman bertempat di

Dewan Serbaguna, Ibu Pejabat JBP, Lapangan Terbang Lama Berakas.

Penyampaian minuman tersebut kepada pegawai-pegawai pemerintah dan ketua-ketua bahagian seluruh daerah disempurnakan oleh Pengarah Bomba dan Penyelamat, Awang Yahya bin Haji Abdul Rahman.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al Faatihah dipimpin oleh Awang Othman bin Asat, guru agama JBP diikuti ucapan Pengarah Bomba

dan Penyelamat, Awang Yahya bin Haji Abdul Rahman.

Juga hadir pada majlis tersebut ialah Timbalan Pengarah Bomba dan Penyelamat, Awang Lim Hock Guan, penolong-penolong pengarah, pegawai-pegawai pemerintah, pegawai-pegawai, anggota serta kakitangan JBP.

Sumbangan minuman tersebut akan membolehkan anggota bomba merayakan sambutan Hari Raya semasa mereka bertugas di balai-balai bomba seluruh negara walaupun tanpa kehadiran keluarga kerana menjalankan tugas yang diamanahkan.

Sementara itu, orang ramai diingatkan agar sentiasa berwaspada dan lebih berhati-hati dalam keghairahan menyambut kedatangan Hari Raya, di samping mengelakkan dari perkara-perkara yang boleh menyebabkan kebakaran.

Pastikan melakukan 'senarai semak' sebelum meninggalkan rumah seperti mematikan peralatan elektrik yang tidak diperlukan dan menutup atau menanggalkan alat atur gas (kepala gas) untuk mengelakkan kejadian kebocoran gas yang boleh menyebabkan kebakaran.

Jika terjadi sebarang kecemasan yang memerlukan bantuan JBP, orang ramai boleh menghubungi Hotline di talian kecemasan 995.



PENGARAH Bomba dan Penyelamat, Awang Yahya bin Haji Abd Rahman menyempurnakan penyampaian minuman kepada wakil dari balai-balai bomba.

Tiga keluarga warga emas terima sumbangan Program Ta'awun



PENGARAH Jabatan Perkembangan Kurikulum, Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Nawri menyampaikan sumbangan derma kepada salah sebuah keluarga warga emas.

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 22 Julai. - Jabatan Perkembangan Kurikulum (JPK), Kementerian Pendidikan menghulurkan sumbangan derma Program Ta'awun sempena bulan Ramadan kepada tiga buah keluarga warga emas di Daerah Brunei dan Muara.

Sumbangan pertama disampaikan kepada Dayang Maria binti Haji Pakar dari Kampung Beribi, Gadong yang merupakan warga emas berumur 84 tahun dan bergantung sepenuhnya kepada elaun pencen tua sebanyak BND250 sebulan, beliau tinggal bersama dua orang anak dan seorang cucu yang salah seorang anaknya

BKSTAP bantu lapan keluarga

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Ihsan TAP

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 22 Julai. - Badan Kebajikan dan Sukan Tabung Amanah Pekerja (BKSTAP) telah membantu lapan buah keluarga melalui Program Amal bagi membantu mengurangkan bebanan beberapa keluarga yang memerlukan menerusi sumbangan derma.

Sumbangan yang disampaikan adalah hasil dari kutipan derma daripada para pegawai dan kakitangan TAP serta rakan dan ahli keluarga TAP.

Kira-kira seramai 18 ahli BKSTAP bersama sukarelawan yang terdiri daripada para pegawai dan kakitangan TAP telah mengunjungi sebanyak lapan buah keluarga yang memerlukan bantuan termasuk dua buah keluarga di Daerah Tutong bermula hari Isnin lalu.

Semua keluarga terbahit diberikan barangan keperluan harian seperti perkakas dapur, beras, gula, minyak masak, susu formula dan beberapa barangan keperluan rumah lain.

BKSTAP juga turut meluangkan masa beramah mesra bersama keluarga-keluarga berkenaan.

Lapan keluarga ini dikenal pasti dengan bantuan daripada Society for Community Outreach and Training (SCOT).

Selain daripada beramal, inisiatif ini akan dapat menanamkan sifat positif di kalangan warga TAP, seperti sifat kerjasama, bantu membantu dan tidak camah mata.

DUA orang pegawai dari TAP menyerahkan sumbangan dari Program Amal BKSTAP kepada seorang penerima (tengah).

Tabung Amal Anak Yatim terus terima sumbangan

Oleh : Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli
Foto : Ihsan Pejabat Daerah Belait



KETUA Pustakawan, UBD, Dr. Haji Awang Suhaimi bin Haji Abdul Karim menyerahkan sumbangan kepada Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Haris bin Othman.

KUALA BELAIT, Selasa, 22 Julai. - Tabung Amal Anak-Anak Yatim Daerah Belait terus menerima derma dari semua pihak di negara ini khususnya di Daerah Belait.

Semenjak bulan Ramadan tahun ini, tabung berkenaan telah menerima lebih dari BND26,000 dari mereka yang bermurah hati bagi sama-sama membantu anak-anak yatim bagi persediaan menyambut Hari Raya Aidilfitri yang akan menjelang tiba.

Universiti Brunei Darussalam (UBD) telah menyumbangkan sebanyak BND875 kepada Tabung Amal Anak-Anak Yatim Daerah Belait yang disampaikan oleh Ketua Pustakawan, UBD, Dr. Haji Awang Suhaimi bin Haji Abdul Karim kepada Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Haris bin Othman di Pejabat beliau, di sini.

Penyampaian derma seumpama itu, sekurang-kurangnya membantu Jawatankuasa Tabung Amal Anak-Anak Yatim Daerah Belait menambahkan lagi tabung derma berkenaan dalam sama-sama meringankan beban anak-anak yatim.

adalah kurang upaya.

Derma Program Ta'awun JPK ini juga telah diserahkan kepada dua lagi keluarga warga emas iaitu Awang Haji Untong bin Yusoff di Kampung Jerudong dan Dayang Latifah binti Haji Timbang di Kampung Pulaie.

Ketiga-tiga sumbang itu disampaikan oleh Pengarah JPK, Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Nawi bertempat di rumah penerima masing-masing.

Ia merupakan program bantuan yang dikendalikan oleh Jawatankuasa Kebajikan JPK sejak dua tahun lalu yang bertujuan untuk mendidik warga jabatan untuk mengamalkan sikap rajin bersedekah, pemedulian prihatin, tolong-menolong serta sayang-menyayangi sesama insan

terutamanya kepada golongan yang memerlukan sama ada terdiri daripada warga jabatan ataupun masyarakat awam.

Sumbangan derma berupa wang tunai dan barang-barang keperluan harian adalah hasil kutipan yang dihulurkan oleh pegawai-pegawai dan kakitangan di jabatan berkenaan.

Dengan adanya sumbangan ini akan dapat membantu meringankan bebanan harian pihak-pihak yang berkenaan dan seterusnya memeriahkan suasana Hari Raya Aidilfitri yang akan menjelang dengan penuh kegembiraan dan keceriaan.

Turut hadir ialah Pegawai-pegawai Kanan, pegawai-pegawai dan kakitangan dari JPK.



Bacaan Ratib Al-Attas pohon perlindungan pengguna jalan raya

Oleh : Dk. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Hamzah Mohiddin

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 23 Julai. - Majlis Membaca Ratib Al-Attas dan Doa Tahlil Bagi Mangsa-Mangsa Kemalangan Lalu Lintas Jalan Raya yang diselenggarakan dengan Sembahyang Fardu Zuhur dan Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah berlangsung di Masjid Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Kampung Rimba, Gadong.

Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan, Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohd. Yusof, selaku Pengerusi Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya (MKKJR) hadir pada majlis tersebut yang dihasratkan untuk sama-sama memohon doa ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala supaya Negara Brunei Darussalam terutama sekali pengguna-pengguna jalan raya, sentiasa diberikan perlindungan.

Juga hadir Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan, Awang Mohd. Riza bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunos berserta ahli-ahli MKKJR, ketua-ketua jabatan, timbalan-timbalan ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan dari kementerian berkenaan.

Terdahulu majlis bermula dengan membaca Ratib

Al-Attas dan Doa Tahlil serta menunaikan Sembahyang Fardu Zuhur dan Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah yang diimamkan oleh imam masjid berkenaan.

Turut menyertai menunaikan Sembahyang Fardu Zuhur dan Sembahyang Sunat Hajat itu ialah Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, selaku Penasihat MKKJR.

Majlis tersebut dikendalikan oleh MKKJR, Negara Brunei Darussalam dan ianya juga dilaksanakan bagi menyahut seruan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menjadikan negara ini sebagai sebuah Negara Zikir.

Antara lain tujuan majlis itu diadakan bagi meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai keselamatan jalan raya.

Dalam kesempatan ini juga, MKKJR menyarankan dan menasihatkan kepada semua pengguna jalan raya supaya sentiasa berwaspada dan bertanggungjawab ketika berada di jalan raya terutama sekali pada musim perayaan nanti dengan memandu berhati-hati, berdisiplin, bertimbang rasa serta mematuhi undang-undang dan peraturan lalu lintas jalan raya bagi mengelakkan sebarang kejadian yang tidak diingini berlaku dan demi menjaga keselamatan bersama.



SETIAUSAHA Tetap, Kementerian Perhubungan, Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohd. Yusof selaku Pengerusi Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya (MKKJR) hadir pada Majlis Membaca Ratib Al-Attas dan Doa Tahlil Bagi Mangsa-Mangsa Kemalangan Lalu Lintas Jalan Raya yang diselenggarakan dengan Sembahyang Fardu Zuhur dan Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah berlangsung di Masjid Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Kampung Rimba, Gadong.

Residen Kompleks Kebajikan semarak Ramadan



PEMANGKU Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Othman semasa hadir pada Majlis Khatam Al-Qur'an bagi Pegawai dan Kakitangan JAPEM serta Residen Kompleks Rumah Kebajikan Kampung Belimbing bertempat di Dewan Komplek Rumah Kebajikan tersebut.

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

BANDAR SERI BEGAWAN, Selesa, 22 Julai. - Hari-hari terakhir Ramadan terus disemarakkan dengan kegiatan keagamaan dan tidak ketinggalan juga bagi residen serta penghuni Kompleks Rumah Kebajikan.

Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) menganjurkan Majlis Khatam Al-Qur'an Bagi Pegawai dan Kakitangan Serta Residen dan Penghuni Kompleks Rumah Kebajikan yang diadakan di dewan kompleks berkenaan, Kampung Belimbing, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat, Pemangku Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Othman.

Majlis juga turut dihadiri oleh seramai 60 orang termasuk 29 orang residen dan penghuni kompleks berkenaan, ia dimulakan dengan bacaan Surah Al Faatihah beramai-ramai dan diikuti dengan bacaan ayat-ayat lazim.

Aturcara kemudiannya diteruskan dengan bacaan takhlim dan tahlil beramai-ramai serta doa selamat yang dibacakan oleh Guru Agama kompleks berkenaan, Awang Haji Nordin bin Haji Duraman.

Hadir sama menyemarakkan lagi majlis tersebut ialah Pemangku Pengarah Pembangunan Masyarakat, Dayang Hajah Noridah binti Abdul Hamid serta ahli-ahli keluarga residen dan penghuni Kompleks Rumah Kebajikan.

Mengembangkan aktiviti dakwah melalui Program Meniti Sinar Ramadan



PROGRAM Meniti Sinar Ramadan 1435 Hijriah anjuran Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan dengan kerjasama Majlis Biro Wanita Rancangan Perumahan Negara Kampung Rimba berlangsung di Dewan Tarbiyah KUPU SB (atas, bawah).



Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 23 Julai.- Aktiviti keagamaan terus dianjurkan oleh pelbagai pihak di negara ini bagi menyemarakkan bulan Ramadan yang penuh dengan keberkatan.

Sehubungan itu, Program Meniti Sinar Ramadan 1435 Hijriah anjuran Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) dengan kerjasama Majlis Biro Wanita Rancangan Perumahan Negara Kampung Rimba berlangsung di Dewan Tarbiyah KUPU SB.

Hadir selaku tetamu kehormat Timbalan Dekan Pelajar KUPU SB, Dayang Hajah Zanah binti Haji Besar.

Seramai 300 orang terdiri daripada pegawai-pegawai kanan, pensyarah-pensyarah, kakitangan mahasiswa dan mahasiswa menyertai program tersebut yang bermula dengan Sembahyang Solat Dhuha dan Tadarus Al-Qur'an.

Bacaan Asma Al-Husna dan bacaan Surah Al Faatihah yang diketuai oleh tetamu kehormat dan diserikan dengan ceramah khas yang disampaikan oleh Dr. Haji Adanan bin Haji Besar.

Program tersebut adalah asas tiang negara dan sayap kiri masyarakat Islam yang bernaung di bawah Negara

Melayu Islam Beraja dan keprihatinan sebagai da'iah yang memiliki kesedaran untuk mengembangkan aktiviti dakwah khususnya dalam menyemarakkan lagi rasa cinta, syukur di atas kedatangan bulan Ramadan

di mana terkandung di dalamnya keberkatan dan rahmat yang tiada ternilai antara objektif utama program ini diadakan.

Antara lain juga adalah bagi melancarkan, kemudahan dan kejayaan pelaksanaan Perintah Kanun Hukum Jenayah Syar'iah 2013 dan memperingatkan 100 Tahun Pendidikan Formal di Negara Brunei Darussalam.

AITI rai anak yatim di Majlis Khatam

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 22 Julai. - Pihak Berkuasa untuk Info-Teknologi Industri Komunikasi Brunei Darussalam (AITI) mengadakan Majlis Khatam Al-Qur'an dan menyerahkan sumbangan kepada 21 anak-anak yatim di Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Kampung Jerudong.

Dalam Siaran Akhbar AITI, tetamu Kehormat pada majlis tersebut ialah Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan dan juga Pengerusi AITI, Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohd Yusof.

Majlis dimulakan dengan penyerahan sumbangan kepada penerima oleh tetamu kehormat diikuti dengan Khatam Al-Qur'an oleh para peserta. Acara berakhir dengan berbuka puasa dengan semua yang hadir. AITI berharap dengan sumbangan itu dapat membantu mereka dengan persiapan menyambut Aidilfitri.

Turut hadir ialah Ahli, Pengarah dari Kementerian Perhubungan, Ketua Kampung dan kakitangan AITI.

Dayang Minah menerima bantuan rumah YSHHB



HADIR menyempurnakan majlis penyerahan anak kunci rumah bantuan itu ialah Pengarah Urusan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB), Awang Haji Ibrahim bin Haji Ismail.

TUTONG, Khamis, 24 Julai. - Pembinaan rumah-rumah bantuan di bawah Skim Perumahan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) merupakan salah satu projek yang dilaksanakan oleh YSHHB sebagai usaha mempertingkatkan kebajikan dan kesejahteraan hidup rakyat di negara ini selaras dengan dasar dan tujuan

Majlis memulakan tiang rumah bantuan YSHHB



PENGARAH Urusan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB), Awang Haji Ibrahim bin Haji Ismail menyempurnakan majlis memulakan tiang rumah bantuan Yayasan bagi seorang saudara baru, Awang Abdul Rahman bin Abdullah Yakim, di Kampung Rambai, Tutong.

Oleh : Aryentty Haji Ariffin
Foto : Ihsan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

TUTONG, Khamis, 24 Julai. - Seorang saudara baru, Awang Abdul Rahman bin Abdullah Yakim, 77 tahun, dan isteri, tidak lama lagi akan dapat berpindah ke rumah Bantuan Skim Perumahan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) yang pembinaannya bermula hari ini.

Majlis memulakan tiang rumah bantuan tersebut di Kampung Rambai disempurnakan oleh Pengarah Urusan

YSHHB, Awang Haji Ibrahim bin Haji Ismail.

Rumah Awang Abdul Rahman pada masa ini berkeadaan daif dan usang serta tidak mempunyai bekalan elektrik dan hanya menggunakan *generator*.

Untuk menampung sara hidup, beliau bersama isterinya yang juga warga emas hanya mengharapkan pencen tua sebanyak BND250 sebulan daripada Jabatan Pembangunan

penubuhannya.

Rumah-rumah bantuan dikurniakan secara percuma kepada para penerima yang layak mengikut kriteria yang ditetapkan di bawah Skim Perumahan YSHHB adalah dikhususkan kepada saudara-saudara baru dan mereka yang daif dan tidak berkemampuan mendirikan rumah sendiri.

Pembinaan rumah bantuan tersebut bertujuan untuk memberi peluang kepada mereka meneruskan kehidupan yang selesa, bersih dan selamat bagi mewujudkan kehidupan berkeluarga yang aman dan harmoni.

Hari ini seorang penerima, Dayang Minah/Sidup binti Haji Serudin, seorang warga emas, 61 tahun, menerima anak kunci rumah skim tersebut, berlangsung di Kampung Kerakas Payau.

Rumah Dayang Minah/Sidup sebelum ini dalam keadaan daif dan usang, manakala bekalan elektrik hanya bergantung kepada *generator*.

Masyarakat.

Pasangan suami isteri ini tidak dikurniakan anak, bagaimanapun mempunyai dua anak angkat iaitu seorang lelaki dan seorang perempuan yang juga merupakan anak saudara beliau.

Anak angkat lelaki tinggal bersama beliau pada masa ini, manakala anak angkat perempuan sudah berumah tangga dan tinggal bersama suami.

Kos bagi mendirikan pembinaan rumah bantuan berkonsepkan tiga buah bilik tidur dilengkapi dengan bilik tamu, dapur dan tandas menelan belanja lebih BND40 ribu itu dijangka siap dalam tempoh tiga bulan.

Turut hadir ialah pegawai-pegawai kerajaan yang berkenaan serta pegawai dan kakitangan YSHHB.

Rumah bantuan di bawah Skim Perumahan YSHHB dikhususkan kepada saudara-saudara baru dan mereka yang daif dan tidak berkemampuan mendirikan rumah sendiri dan dikurniakan secara percuma kepada para penerima yang layak mengikut kriteria yang telah ditetapkan oleh YSHHB.

Pembinaan rumah bantuan kepada saudara-saudara baru adalah bertujuan bagi memberi peluang kepada mereka memperbaiki taraf kehidupan, di samping dapat meneruskan dan menghayati kehidupan sebagai seorang Islam dengan sempurna dan dapat melaksanakan kewajipan terhadap Allah Subhanahu Wata'ala dalam keadaan yang selesa dan aman.

Oleh : Aryentty Haji Ariffin

Foto : Ihsan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Beliau mempunyai seramai 12 orang anak dan empat daripadanya masih di bawah tanggungan beliau.

Untuk menampung kehidupan sekeluarga, beliau hanya mengharapkan pendapatan sebagai buruh bergaji hari di Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Birau.

Selain itu, suami beliau pula hanya menerima pencen tua daripada Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM).

Kos mendirikan pembinaan rumah bantuan berkonsepkan tiga buah bilik tidur dilengkapi dengan bilik tamu, dapur dan tandas itu menelan belanja lebih BND40 ribu.

51 anak yatim terima sumbangan KBA/IKERAB

BUNUT, Rabu, 23 Julai. - Seramai 51 anak yatim menerima sumbangan derma daripada Kumpulan Bunut Asal (KBA)/ Persatuan IKERAB Kampung Bunut Perpindahan yang merupakan sebahagian daripada komitmen berterusan dan sokongan penduduk kampung tersebut bagi membantu anak-anak yatim berkenaan menyambut Hari Raya yang akan menjelang tiba, selain meringankan beban mereka menampung perbelanjaan seharian.

Hadir selaku tetamu kehormat dalam majlis itu ialah Penghulu Mukim Kilanas, Awang Haji Abdullah bin Haji Halus.

Turut hadir ialah Pemangku Ketua Kampung Bunut Perpindahan, Pengiran Haji Othman bin Pengiran Haji Sulaiman, ahli-ahli Kumpulan Anak-Anak Muda KBA beserta isteri masing-masing dan penduduk sekitarnya.

Sementara itu, Pengerusi AJK majlis, Pengiran Haji Wahab bin Pengiran Haji Ibrahim dalam ucapan alu-aluannya menjelaskan, seramai 51

Hadir menyempurnakan majlis penyerahan anak kunci rumah bantuan itu ialah Pengarah Urusan YSHHB, Awang Haji Ibrahim bin Haji Ismail.

Turut hadir ialah pegawai-pegawai kerajaan yang berkenaan serta pegawai dan kakitangan YSHHB.

Penubuhan YSHHB ialah sebagai wadah amal jariah atau derma khairat Kebawah Duli Yang Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan ahli keluarga baginda iaitu sebagai tanda pemedulian dan kasih baginda kepada rakyat baginda, di samping membentuk masyarakat di Negara Brunei Darussalam yang sejahtera dan makmur.

anak yatim berumur di bawah 18 tahun menerima sumbangan daripada KBA / IKERAB pada tahun ini dari sejumlah derma terkumpul sebanyak BND10,042.

Sumbangan itu sekurang-kurangnya dapat membantu meringankan beban anak-anak yatim membuat persiapan Hari Raya Aidilfitri dan juga menghilangkan kesedihan mereka meraikan Syawal tanpa ayah atau kedua-dua orang tua mereka.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al Faatihah beramai-ramai diikuti bacaan ayat-ayat suci Al-Qur'an oleh seorang belia Kampung Bunut Perpindahan, Awang Md. Nazri bin Haji Karim.

Sempena majlis itu ceramah motivasi bagi anak-anak yatim disampaikan oleh penceramah undangan, Awang Haji Ali Yusri bin Haji Abdul Gapor.

Acara diselenggarakan dengan bacaan doa arwah dan tahlil serta majlis bersungkai bersama anak-anak yatim kampung berkenaan.



PENGHULU Mukim Kilanas, Awang Haji Abdullah bin Haji Halus semasa menyampaikan sumbangan derma kepada anak yatim pada majlis penyampaian sumbangan derma anjuran Kumpulan Bunut Asal (KBA) / Persatuan IKERAB Kampung Bunut Perpindahan.

Berita dan Foto : Hezlinawati Haji Abdul Karim

Dekati masyarakat kurang berkemampuan



ROMBONGAN RTB diketuai oleh Ketua Rancangan Radio, Pengiran Ahmad bin Pengiran Haji Mahmud menyerahkan sumbangan kepada salah seorang penerima melalui projek Jalinan Kasihanjuran Perkhidmatan Radio Brunei.

TEMBURONG, Rabu, 23 Julai. - Kebajikan golongan yang kurang bernasib baik dan memerlukan bantuan terus diambil perhatian oleh berbagai-bagai pihak di negara ini apatah lagi pada bulan Ramadan yang penuh berkah ini.

Tidak ketinggalan memperlihatkan sikap pemedulian terhadap golongan berkenaan ialah para pegawai dan kakitangan Radio Televisyen Brunei (RTB) melalui projek Jalinan Kasih RTB yang berkunjung ke daerah ini bagi menghulurkan bantuan kepada lima buah keluarga yang terpilih.

Bantuan berupa barang-barang keperluan harian itu diserahkan oleh Ketua Rancangan Radio, Pengiran Ahmad bin Pengiran Haji Mahmud di kediaman para penerima.

Juga hadir Pengurus Stesen RTB Temburong, Awang Zainudin bin Haji Ahmad Zaini; Ketua Unit Sukan dan Promo, Awang Redzuan bin Haji Mohd Hashim; Ketua Logistik, Awang Hazwan bin Abdullah dan Ketua Rangkaian Nurislam, Dayang Rohani bin Haji Yusof.

Projek Jalinan Kasih anjuran Perkhidmatan Radio Brunei, RTB seumpama itu merupakan salah satu usaha berterusan pihak RTB untuk mendekati masyarakat pelbagai peringkat dan latar belakang kehidupan yang kurang berkemampuan, di samping sebagai mendukung hasrat kerajaan dalam mengujudkan budaya kehidupan masyarakat yang penyayang dan prihatin.

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Mohd. Mahdi Haji Marsidi

Seni Sastera bukan seni kosong

BERAKAS, Rabu, 23 Julai. - Puisi bertajuk 'Sekalung Doa Secebis Harapan' dan 'Ka'bah' juara bagi kategori masing-masing di Pertandingan Deklamasi Puisi Ramadan Pantaran Sastera Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) yang berlangsung di Dewan Pengiran Setia Negara, Jabatan Penerangan, di sini.

Juara bagi Kategori A (Lelaki), Awang Haji Mohd. Firdaus bin Orang Kaya Kaya Haji Nordin dan Kategori B (Perempuan) Dayang Liny Surya binti Murah telah menewaskan 10 peserta yang lain dan memenangi wang tunai BND600, sijil penghargaan, piala iringan dan piala rebutan.

Sementara itu, naib johan Awang Mohammad Khairol Nazwan bin Karim dan Dayang Maimon binti Haji Abu Bakar masing-masing menyampaikan tajuk puisi 'Benderanglah Gulita' dan 'Iman Bosnia' memenangi wang tunai BND500, sijil penghargaan dan piala iringan.

Manakala tempat ketiga yang menyampaikan tajuk puisi 'Pada-Mu Hidup Matiku' dan 'Perjalanan Akhir Malam Ramadhan' masing-masing disampaikan oleh Awang Mohammad Fahmi bin Lasa dan Dayang Rozina binti Awang Haji Salim memenangi wang tunai BND400, sijil penghargaan dan piala iringan.

Hadir selaku tetamu kehormat dan menyampaikan hadiah ialah Pemangku Pengarah DBP, Dayang Hajah Nortijah binti Haji Mohd. Hassan.

Terdahulu itu, dalam ucapan Pemangku DPB antara lain berkata, seni sastera bukanlah seni kosong yang tiada pengisian seperti tanggapan sesetengah pihak yang kurang pengetahuan tentang seni sastera.

Jelasnya, seni sastera memiliki kekayaan tamadun budaya manusia dan khazanah ilmu, yang menganjurkan, mengajak, menyampaikan amanat atau perutusan untuk kebaikan manusia sejagat khususnya.

Dayang Hajah Nortijah berharap pertandingan ini menjadi wadah ke arah melahirkan pendeklamator / penyajak yang berketerampilan dan berbakat besar dan memberikan suntikan yang sangat bermakna dalam penerusan warisan dan kebudayaan khazanah seni sastera di negara ini.

Pertandingan itu merupakan salah satu kegiatan bagi menyemarakkan sambutan Bulan Bahasa 2014 dan juga bagi mengalu-alukan kedatangan bulan Ramadan sebagai bulan tarbiah untuk mendidik jiwa melalui pengisian rohani.

Di samping itu, ianya dapat menyemai minat para pegawai dan kakitangan seluruh kementerian dan jabatan-jabatan di bawahnya terhadap seni kesusasteraan Islam khususnya puisi dan salah satu cara untuk menunjukkan rasa cinta dan kasih terhadap Bahasa Melayu dan Kesusasteraan Melayu.

Antara tujuan pertandingan ini ialah untuk menyemarakkan sambutan Bulan Bahasa 2014 dan memuliakan

dan mengimarahkan bulan Ramadan melalui seni pengucapan sastera, di samping menerapkan nilai-nilai Islam dalam kesusasteraan khususnya puisi dan memberikan ruang serta

pendedahan kepada pegawai dan kakitangan seluruh kementerian dan jabatan-jabatan di bawahnya dalam seni pengucapan sastera khususnya deklamasi sajak.



JUARA bagi Kategori A (Lelaki), Awang Haji Mohd. Firdaus bin Orang Kaya Kaya Haji Nordin menerima piala dari Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Dayang Hajah Nortijah binti Haji Mohd. Hassan.

11 pelajar cemerlang terima AIPC-DANA



KETUA Pegawai Eksekutif Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah (DANA), Awang Haji Ibrahim bin Haji Ismail semasa hadir pada Majlis Penyampaian Anugerah Insentif Pelajar Cemerlang Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-Anak Yatim (AIPC-DANA) bertempat di Dewan Serbaguna, Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanul Bolkihah.

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 22 Julai. - Seramai 11 orang pelajar menerima Anugerah Insentif Pelajar Cemerlang Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-Anak Yatim (AIPC-DANA) bertempat di Dewan Serbaguna, Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanul Bolkihah, di ibu negara, di sini.

Para pelajar yang dipilih tersebut terdiri daripada anak yatim yang mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan awam tahun 2013 antaranya Peperiksaan Sijil Sekolah-Sekolah Rendah Ugama (SSSRU), Penilaian Sekolah Rendah (PSR) dan Peperiksaan Brunei Cambridge GCE 'O' Level.

Penerima bagi peperiksaan Brunei Cambridge GCE 'O' Level, tiga pelajar masing-masing dari Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan, Lim Huey Theeng, Pang Yi Bao @ Jerome Pang dan Dayang Nur Haziqah binti Ibrahim, Awang Abizar bin Haji Lemam dari Sekolah Menengah (SM) Menglait Gadong dan Ivy Lim Siew Li dari SM Sultan Muhammad Jamalul Alam.

Dayang Hanisah binti Haji Jamain dari Sekolah Ugama Keriam, Tutong menerima bagi peperiksaan SSSRU sementara bagi PSR pula terdiri daripada dua pelajar Sekolah Rendah (SR) Pintu Malim iaitu Dayang Nur Aimi Amirah binti Johndri @ Alifah dan Dayang Siti Noorhidayah binti Durahman, Dayang Radin Mas Halimatul Amyza binti Radin Mas Emran @ Siti Aishah dari SR Muda Hashim, Dayang Nurul Aimi Syahirah binti Abdullah Sunadi dari SR Amar Pahlawan dan Dayang Sazalina Noraidah binti Salehuddin dari SR Pengiran Dipa Negara Pengiran Jaya Sengkarai.

Hadir selaku tetamu kehormat dan menyampaikan anugerah tersebut ialah Ketua Pegawai Eksekutif Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah (DANA),

Awang Haji Ibrahim bin Haji Ismail.

Para penerima anugerah SSSRU menerima satu unit komputer riba serta mesin pencetak, wang tunai BND500 yang dikreditkan terus ke akaun DANA dan juga sijil manakala setiap penerima PSR pula menerima satu unit komputer riba beserta mesin pencetak, pakej kemudahan belajar selama dua tahun dalam bentuk wang tunai bernilai BND400 dan sijil penghargaan.

Setiap penerima anugerah peperiksaan Brunei Cambridge GCE 'O' Level menerima satu unit komputer riba beserta mesin pencetak, pakej kemudahan belajar selama dua tahun dalam bentuk wang tunai bernilai BND760 serta sijil.

AIPC-DANA pada tahun ini merupakan kali ketujuh diadakan sebagai pendorong kepada anak-anak yatim untuk menghargai kepentingan pendidikan dan sebagai penyuntik semangat dan galakkan kepada mereka terus berusaha bagi meraih kejayaan khususnya dalam bidang pelajaran.



KETUA Pegawai Eksekutif Dana Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah (DANA), Awang Haji Ibrahim bin Haji Ismail menyampaikan AIPC-DANA kepada salah seorang penerima.

Tawaran memasuki ITB meningkat 49 peratus



PEMANGKU Naib Canselor ITB, Profesor Madya Dr Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman semasa menyampaikan ucapannya pada Program Memulakan Kursus dan Orientasi bagi Sesi Akademik 2014 / 2015 ITB.

Berita dan Foto : Ihsan ITB

TUNGKU LINK, Khamis, 24 Julai. - Jumlah tawaran untuk masuk ke Institut Teknologi Brunei (ITB) meningkat kepada 1,082 iaitu peningkatan sebanyak 49 peratus berbanding pada tahun lepas.

Pemangku Naib Canselor ITB, Profesor Madya Dr. Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman berkata, peningkatan jumlah pelajar ini adalah suatu yang dialu-alukan kerana ia adalah menjadi tanggungjawab ITB untuk mengeluarkan graduan-graduan Kejuruteraan dan Teknologi yang berkemahiran dan relevan untuk pembangunan negara.

Semasa berucap selaku tetamu kehormat pada Program Memulakan Kursus dan Orientasi bagi Sesi Akademik 2014/2015 ITB di Dewan Serbaguna institut berkenaan di sini, Profesor Madya Dr. Hajah Zohrah percaya peningkatan jumlah pelajar ini akan memberi cabaran kepada ITB dari segi penyediaan ruang pembelajaran, penyediaan staf akademik yang bermutu tinggi, penyediaan sumber buku di perpustakaan, penyediaan prasarana

IT dan lain-lain lagi.

"InsyaaAllah, ITB akan terus berusaha untuk menyediakan sebuah kampus yang kondusif bagi pelajar-pelajar. Saya juga ingin menyarankan kepada pelajar-pelajar untuk sama-sama membantu pihak pentadbiran ITB dalam memberi idea yang positif ke arah menjadikan ITB sebuah kampus yang mempunyai suasana pembelajaran yang terbaik," tambahnya.

ITB, terangnya, juga telah menjalinkan kerjasama dengan beberapa organisasi antarabangsa termasuk industri dan universiti yang mempunyai nama, sekali gus membuktikan kemampuan ITB untuk diterima sebagai rakan kongsi.

"Saya ingin menarik perhatian pelajar-pelajar akan adanya program 'ITB Extended' yang mana objektifnya adalah dalam memberi nilai tambah kepada pelajarannya dengan memberi peluang untuk menimba ilmu melalui penempatan dalam dan luar negara. Misalannya, beberapa pelajar telah dihantar ke Piper Inc. Florida, USA untuk pengalaman penempatan selama beberapa minggu pada awal tahun ini," ujarnya.

Walau bagaimanapun, untuk mendapat peluang yang sedemikian, pelajar-pelajar, jelasnya, mestilah mendapat keputusan peperiksaan markah yang terbaik di dalam program masing-masing dan lulus semasa ditemu duga oleh pihak-pihak yang berkenaan.

"ITB juga mempunyai program-program jangkauan ataupun 'outreach programmes'. Sehubungan itu, saya ingin menarik perhatian para pelajar kepada sifat tanggungjawab yang wajib disemai oleh para pelajar dalam menjalani kehidupan sebagai seorang pelajar ITB," terangnya lagi.

Turut hadir ialah para pegawai utama, pensyarah dan pelajar-pelajar baru ITB.

Majlis bermula dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Qur'an oleh mahasiswa Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrikal dan Elektronik, Fakulti Kejuruteraan, Awangku Md. Hafizul 'Ilmi bin Pengiran Haji Marzuki.

Sebuah tayangan multimedia turut dipaparkan pada program tersebut, diikuti dengan bacaan ikrar daripada para pelajar baru ITB.

Empat syarikat dilantik bagi penjualan barangan di HBT 2014



ANTARA barangan (*merchandise*) yang akan dikeluarkan dan dijual sempena Kejohanan Bola Sepak Piala Hassanal Bolkiah (HBT) bagi Belia ASEAN 2014.

Oleh : Dk. Vivv Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 26 Julai. - Empat buah syarikat terlibat dalam pengeluaran / penjualan barangan bagi Kejohanan Bola Sepak Piala Hassanal Bolkiah Bagi Belia ASEAN 2014 (HBT 2014).

Syarikat-syarikat tersebut ialah Arin's Enterprise, Armtrix Enterprise, Aewon Garment and Embroidery dan Imperial Trading yang akan mula menjual barangan mereka di tempat jualan seperti kedai, media sosial dan tempat-tempat perlawanan kejohanan HBT 2014.

Sehubungan itu, Jabatan Belia dan Sukan (JBS) mengadakan Majlis Menandatangani Dokumen Perjanjian Pengeluaran / Penjualan Barangan (Merchandise) Kejohanan HBT 2014 yang berlangsung di Dewan Kuliah, Stadium Negara Hassanal Bolkiah.

Menandatangani perjanjian bagi pihak JBS ialah Pengarah Belia dan Sukan, Awang Haji Abdul Malik bin Haji Mohammad, manakala pihak syarikat telah diwakili oleh wakil-wakil masing-masing.

Penandatanganan perjanjian tersebut disaksikan oleh Timbalan Pengarah Belia dan Sukan, Awang Haji Rosmadee bin Haji Mohd. Daud dan pegawai-pegawai JBS.

Tarik Kalat Belait diadakan Ogos ini

Berita dan Foto : Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli

KUALA BELAIT, Selasa, 22 Julai. - Pasukan S.T Villa dari Kampung Sungai Teraban buat pertama kali akan tampil menyertai perlawanan tarik kalat sempena perayaan Hari Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-68 Tahun bagi Daerah Belait.

Pengurus pasukan, Awang Zailan bin Zaini memberitahu, perlawanan tarik kalat bukan baru baginya, ayah beliau, Awang Zaini bin Maidin pernah aktif mewakili kampung melalui pasukan Jabatan Kerja Raya (JKR) dan sering memenangi perlawanan tersebut suatu ketika dulu.

Awang Zailan menyatakan, memandangkan kampung beliau sudah beberapa tahun tidak menghantar wakil untuk menyertai perlawanan tersebut, beliau tergerak hati menubuhkan pasukan S.T. Villa yang ahli-ahlinya terdiri daripada anak-anak muda belia.

Pasukan S.T. Villa katanya ditubuhkan awal tahun ini dan dalam tempoh yang masih muda, mereka telah mengadakan perlawanan tarik kalat yang dianjurkan oleh Ahli Majlis

Perundingan Kampung (MPK) beliau dengan kerjasama Jabatan Daerah Belait.

"Bagi menghadapi perlawanan yang bakal tiba, di bulan puasa ini kami mengadakan latihan *fitness* pada waktu malam bermula jam 9 hingga 11," ujarnya ketika ditemui pada majlis taklimat dan cabut undi perlawanan tarik kalat tradisi bagi pengurus-pengurus pasukan di Kompleks Sukan, Mumong, di sini.

Taklimat disampaikan oleh Setiausaha 2 dan Pengadil Perlawanan, Awang Irwan Rino bin Nordin.

Menurut beliau, perlawanan penyertaan tahun ini terpaksa dijalankan awal dalam suasana raya dan ini bagi memilih pasukan dari Kategori A, B dan C mewakili Daerah Belait ke peringkat kebangsaan yang dijangka bakal berlangsung pada 16 Ogos ini di Padang Sekolah Rendah Muda Hashim, Tutong.

Perlawanan dianjurkan oleh Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Perayaan Peringkat Daerah Belait dan dikendalikan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat dan Agensi Jabatan-jabatan Kerajaan yang lain sejak tahun 1997.



PENGURUS pasukan S.T Villa, Awang Zailan bin Zaini ketika mencabut undi.

Muhammad I'maadi beri saingan hebat

Laporan : Ali Termizzi Haji Ramlli / Haji Ramli
Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali dari Glasgow, Scotland

GLASGOW, SCOTLAND, Sabtu, 26 Julai. - Atlet negara, Muhammad I'maadi bin Abd Aziz mula beraksi pada temasya Sukan Komanwel Ke-20, 2014 di Glasgow bagi acara Trek Berbasikal Kategori 40 Kilometer Perlumbaan Mata Bagi Lelaki Pusingan Kelayakan yang berlangsung di Velodrome Sir Chris Hoy di Arena Emirates di Bandaraya Glasgow, di sini.

Pada temasya yang sudah memasuki hari keempat itu menyaksikan pelumba negara bermula dengan baik apabila menunjukkan kayuhan bertenaga namun begitu ia tidak

menyebelahi Muhammad I'maadi apabila dia hanya berada di tempat ke-13 dengan memperolehi satu mata selepas berjaya memintas dua pelumba Indonesia, Guyana dan Barbados.

Seramai 17 pelumba dari negara Komanwel menyertai pertandingan perlumbaan Trek Berbasikal Kategori 40Km Perlumbaan Mata Lelaki Pusingan Kelayakan. Pada kali ini acara kelayakan sebanyak 60 pusingan (15km) dengan kayuhan bertenaga.

Atlet negara juga akan mengharungi cabaran dalam acara lumba berbasikal jalan raya bagi lelaki dan acara lumba Scratch 20Km bagi lelaki yang akan



JURULatih negara dari Malaysia, Yafiz Jamaludin.



ATLET negara, Muhammad I'maadi bin Abd Aziz (tengah) beraksi pada temasya Sukan Komanwel Ke-20, 2014 di Glasgow bagi acara Trek Berbasikal Kategori 40 Kilometer Perlumbaan Mata Bagi Lelaki Pusingan Kelayakan.

berlangsung pada 27 Julai 2014 dan 3 Ogos 2014 nanti.

Jurulatih negara dari Malaysia, Yafiz Jamaludin akan memastikan Muhammad I'maadi akan berentap hebat dan bersaing dengan bersungguh-sungguh kali ini.

Peserta negara merupakan seorang pelajar dan menetap di Daerah Tutong. Mula menceburi bidang sukan ini sebagai seorang atlet pada tahun 2010 dan beliau pernah mewakili negara pada peringkat acara jelajah berbasikal jalan raya, trek berbasikal dan berbasikal berbukit.

Acara temasya Sukan Komanwel Ke-20, 2014 di Glasgow, Scotland sedang berlangsung selama 12 hari sehingga 3 Ogos 2014 ini.



MAJLIS Taklimat dan Cabut Undi Perlawanan Tarik Kalat Tradisi Bagi Pengurus-pengurus Pasukan di Kompleks Sukan, Mumong.

Ia dibukakan kepada penyertaan jabatan-jabatan kerajaan, mukim-mukim dan kampung, sekolah-sekolah rendah dan menengah, persatuan-persatuan belia, syarikat-syarikat dan pasukan orang perseorangan.

Tahun ini perlawanan akan diadakan selama tiga hari bermula 8 Ogos ini kira-kira jam 8 malam. Peringkat saringan akan diadakan pada 8 bagi Kategori A dan B dan 9 Ogos pula bagi Kategori C dan D.

Penolong Penguasa Bomba, Kuala Belait, Wan Julaini bin Wan Ibrahim, selaku Setiausaha Perlawanan menyatakan hanya dua pasukan yang mendapat kutipan markah tertinggi sahaja akan bertanding ke peringkat akhir pada 10 Ogos dan semua perlawanan akan diadakan di Padang Kelab Rekreasi Brunei Shell (BSRC), di sini.

Perlawanan bagi Daerah Belait akan disertai 23 pasukan yang dibahagikan kepada lima kategori termasuk perlawanan khas di antara pasukan tetamu kehormat dengan jawatankuasa perlawanan tarik kalat peringkat Daerah Belait.

Kategori A, berat badan bagi seorang penarik tidak melebihi 70 kilogram kebawah mengandungi pasukan KB Bull 70, pasukan Fire Breaker, pasukan Dx Litao Team, pasukan S.T Villa A dan pasukan S.T Villa B manakala Kategori B, 10 orang penarik berat badan terkumpul tidak

lebih 1100 kg meliputi pasukan KB Bull, A.B.B. Gym, pasukan Fire Breaker, pasukan Dx Litao Team dan pasukan S.T Villa.

Sementara Kategori C, 10 orang penarik berat badan terkumpul 600 kg bagi peserta belia remaja berusia 19 tahun kebawah terdiri daripada pasukan KB Bull Remaja 'A', pasukan KB Bull Remaja 'B', pasukan My

Team Lorong 3, pasukan sukarelawan bomba 'A' dan pasukan sukarelawan bomba 'B'.

Kategori D pula bagi sekolah-sekolah rendah berusia 12 tahun kebawah terdiri daripada pasukan Sekolah Rendah Panaga 'A', pasukan Sekolah Rendah Panaga 'B' dan Sekolah Rendah Lumut dan Kategori E bagi perlawanan khas.

Dewan pameran dan galeri ditutup sempena Aidilfitri

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 24 Julai.- Jabatan Muzium-Muzium Brunei (JMB) memaklumkan kepada orang ramai bahawa dewan-dewan pameran dan galeri JMB ditutup pada 1, 2 dan 3 Syawal 1435 Hijriah sempena Hari Raya Aidilfitri pertama, kedua dan ketiga.

Selain itu, dewan-dewan pameran dan galeri JMB juga akan ditutup setengah hari dan dibukakan untuk pelawat mulai pukul 1.30 petang sempena cuti khas Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-68 Tahun pada 14 Ogos 2014.

Muzium-muzium yang dimaksudkan ialah Muzium Teknologi Melayu, Bangunan Alat-Alat Kebesaran Diraja, Taman Warisan Tasek Merimbun dan Galeri Seni, Dermaga Diraja Bandar Seri Begawan.

Waktu lawatan adalah seperti berikut iaitu hari Ahad hingga Khamis bermula pukul 9.00 pagi hingga 5.00 petang, hari Jumaat bermula pukul 9.00 pagi hingga 11.30 pagi dan 2.30 petang hingga 5.00 petang, manakala hari Sabtu bermula pukul 9.45 pagi hingga 5.00 petang.

Sementara itu, Muzium Brunei dan Bubungan Dua Belas masih ditutup untuk kunjungan orang ramai.

Negara sokong sukan untuk pembangunan dan keamanan



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah semasa menghadiri Mesyuarat Menteri Sukan Komanwel ke-7 (7CSMM) yang diadakan di Glasgow, Scotland, United Kingdom

GLASGOW, SCOTTLAND, Isnin 21 Julai. - Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah mengumumkan sukan untuk Pembangunan dan

Keamanan (SDP) adalah agenda yang disokong sepenuhnya oleh Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat mengumumkan hal itu semasa berucap di Mesyuarat Menteri Sukan Komanwel ke-7 (7CSMM) yang diadakan di Glasgow,

Scotland, United Kingdom, di sini.

Dalam Siaran Akhbar KKBS, Yang Berhormat juga bersetuju bahawa SDP boleh menyumbang kepada keamanan dan pembangunan serantau dan antarabangsa.

Dalam hal ini, menteri-menteri yang bermesyuarat untuk kemajuan dalam pembangunan adalah sebagai panduan Komanwel untuk memajukan pembangunan melalui sukan dan berharap dapat belajar amalan terbaik dari negara-negara anggota yang telah melaksanakan projek SDP.

Perkara ini akan membantu Negara Brunei Darussalam dalam membangunkan dan meningkatkan sendiri program SDP Kebangsaan tersebut.

Yang Berhormat, kemudian menyatakan sokongan bagi Pembangunan Sukan Belia Komanwel dan Kumpulan Kerja Keamanan (CYSDP) dan penekanan yang diberi kepada belia dan kepimpinan belia dalam bidang SDP.

Berhubung dengan cadangan Kumpulan Kerja yang belia diberi platform sebenar untuk sumbangan

sebenar dalam keputusan SDP membuat proses, Yang Berhormat Menteri juga berkongsi pandangan bahawa di Negara Brunei Darussalam, belia telah terlibat dalam membentuk dasar dan program-program sukan melalui pendekatan 'Untuk-Belia, Melalui-Belia'.

Input daripada belia telah memberi jaminan melalui Dialog yang kerap diadakan Belia Negara atau mekanisme lain untuk maklum balas, melalui pelbagai program-program kebangsaan yang melibatkan belia seperti promosi gaya hidup sihat, sukan sukarela, industri sukan dan pembangunan pelancongan sukan.

Yang Berhormat, kemudian terus berkongsi dua program SDP yang dianjurkan di Negara Brunei Darussalam yang pertama adalah Kejohanan Bola Sepak Hassanal Bolkiah Trophy (HBT) ASEAN Bawah 21, idea Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, membawa atlet muda ASEAN dan penyokong mereka bersama-sama untuk menyumbang ke arah pemahaman yang lebih besar serta aman dan damai di rantau ini.

Kedua ialah Cabaran Belia Negara, program 4-5 hari yang melibatkan kanak-kanak perempuan dan kanak-kanak lelaki seperti pelajar universiti dan wakil-wakil NGO dalam program yang memanfaatkan sukan seperti berbasikal, marathon berlari, berkayak, berenang dan perkhemahan untuk mempromosikan khidmat masyarakat seperti membantu golongan miskin, golongan kurang upaya dan kalangan warga tua, dan kerja-kerja membina pasukan

dan persefahaman di kalangan generasi muda.

7CSMM, dihadiri oleh 45 negara anggota, telah dirasmikan oleh Setiausaha Agung Komanwel, Kamallesh Sharma HE dan dipengerusikan bagi pihak United Kingdom oleh Menteri Sukan Komanwel dan Sukan, Kerajaan Scotland, Cik Shona Robison MSP.

7CSMM memberi tumpuan kepada kesan positif bahawa sukan boleh membuat seluruh agenda pembangunan yang luas dikongsi oleh Ahli Komanwel. Mesyuarat itu juga dianggap cara untuk melindungi integriti sukan, untuk memastikan bahawa potensi sepenuhnya boleh dimanfaatkan untuk hasil sosial dan ekonomi yang positif.

Dalam pertemuan itu, menteri-menteri juga mengakui peranan berharga sukan dalam pembangunan dan keamanan, sebagai satu pendekatan untuk menangani pelbagai cabaran dan menyampaikan manfaat yang besar, dan menyatakan bahawa ini telah berkali-kali dan berjaya ditunjukkan oleh pengamal di seluruh Komanwel.

Menteri-menteri juga menyatakan bahawa kerja ini menyumbang kepada pelbagai matlamat pembangunan kesihatan seperti, pendidikan, memperkasakan belia, kesaksamaan gender, kesamarataan dan kemasukan, perpaduan sosial, pertumbuhan ekonomi, masyarakat dan keamanan bangunan.

Mengiringi Yang Berhormat pada mesyuarat itu ialah Setiausaha Tetap KKBS, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Hamid bin Haji Mohd. Jaafar serta pegawai-pegawai kanan KKBS.

KKBS anugerahkan ganjaran SPKS kepada atlet



PEMANGKU Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Othman menyampaikan anugerah Skim Penggalak Kecemerlangan Sukan (SPKS) kepada jaguh sukan Wushu negara (atas) dan kepada salah seorang atlet Orang Kurang Upaya (bawah).



Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 23 Julai. - Jabatan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) telah memberikan ganjaran kemenangan Skim Penggalak Kecemerlangan Sukan (SPKS) kepada 23 atlet, sembilan jurulatih, enam penolong jurulatih dan enam buah Persatuan Sukan Kebangsaan.

Majlis penganugerahan ganjaran SPKS itu bertempat di Bilik Hijau, Stadium Negara Hassanal Bolkiah, di sini.

Hadir menyampaikan ganjaran itu selaku tetamu kehormat, Pemangku Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Othman.

Dalam ucapan alu-aluan oleh Pemangku Setiausaha Tetap KKBS, selaku Pengerusi Majlis, Awang Haji Mohd. Noor Jusmin bin Haji Abd. Samad antara lain menyatakan, kemajuan sumber manusia adalah faktor penentu kepada keupayaan negara untuk terus makmur secara berpanjangan yang bertepatan dengan kedudukan negara yang mempunyai nilai tinggi dari segi keahlian dan kemahiran di dalam pelbagai disiplin.

Menurutnya objekif ganjaran kemenangan SPKS mempunyai beberapa dimensi, utamanya untuk memperakukan atlet yang mempunyai *standard* dan *inner growth through endurance and strength* tanpa

memisahkan kejayaan mereka daripada fungsi-fungsi keketuaan dan kepimpinan dalam bentuk jurulatih, penolong jurulatih dan Persatuan Sukan.

Majlis kemudian disusuli dengan penyampaian ganjaran kemenangan kepada para atlet, jurulatih dan Persatuan Sukan yang diserahkan oleh tetamu kehormat.

Para penerima ganjaran adalah mereka yang telah berjaya dan meraih pingat di 5th Asia Pacific Open and Age Group Synchronized Swimming Championship 2013, Sukan SEA Ke-17 2013 dan 7th ASEAN Para Games 2014.

Wakil PELITA BRUNEI sempat menemu bual seorang jurulatih bagi 7th ASEAN Para Games 2014, Awang Haji Wahid bin Ismail, beliau berharap agar para atlet akan dapat meneruskan usaha dalam meningkatkan prestasi di bidang sukan.

"Dengan adanya ganjaran kemenangan SPKS ini, ia juga diharapkan akan dapat menyuntik semangat para atlet lain yang belum pernah menerima ganjaran seumpama ini agar meraih apa yang diraih oleh atlet-atlet yang berjaya hari ini," tambahnya.

Bagi Awang Alihan bin Muda, atlet Orang Berkeperluan Khas (OBK) yang menyertai 7th ASEAN Para Games 2014, beliau melahirkan rasa syukur kerana telah diberikan ganjaran yang dapat membantu menambah perbelanjaan menyara keluarga dan memberi barang keperluan untuk latihan sukan di masa akan datang.

"Dengan ganjaran ini juga, ia memberi saya lebih semangat untuk terus berlatih bagi meningkatkan prestasi saya dalam bidang sukan yang saya ceburi," ujar atlet para Lempar Cakera, Buang Peluru dan Lontar Lembing itu.

Majlis seumpama ini diadakan untuk memberikan galakkan kepada para atlet bagi mencapai satu-satu tahap kejayaan dalam menjalani latihan secara bersungguh-sungguh agar dapat mengekalkan atau mencapai prestasi yang lebih tinggi di sukan serantau dan antarabangsa, di samping menyampaikan ganjaran berupa wang tunai kepada para atlet yang telah menunjukkan pencapaian cemerlang dalam bidang sukan masing-masing di peringkat serantau dan antarabangsa.

Skim itu juga diberikan kepada jurulatih-jurulatih sukan kerana penglibatan mereka dalam perkembangan dan kemajuan dalam latihan yang mana semua ini adalah mengikut sepertimana yang termaktub dalam Dasar Sukan Negara.

Turut hadir ialah Pengarah Belia dan Sukan, Awang Haji Abdul Malik bin Haji Mohammad; Pegawai-Pegawai Kanan serta ahli-ahli jawatankuasa SPKS.

Indonesia dalam Kumpulan 'B' Kejohanan Bola Sepak HBT

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 22 Julai. - Pasukan Republik Indonesia tersenarai dalam Kumpulan 'B' bersama dengan Viet Nam, Kemboja, Malaysia, Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura pada Kejohanan Bola Sepak Belia ASEAN - Trofi Hassanal Bolkiah (HBT) yang akan diadakan bermula 9 hingga 23 Ogos nanti.

Republik Indonesia tersenarai dalam kumpulan tersebut setelah diadakan Mini Draw di bangunan Persatuan Bola Sepak Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NFABD) kerana pasukan negara itu tidak menyertai pengundian yang lepas.

Manakala Kumpulan 'A' diwakili oleh negara Timor Leste, Laos, Republik Filipina, Myanmar dan Thailand.

Cabutan undi dilakukan oleh Timbalan Ketua Perwakilan/Menteri, Kedutaan Republik Indonesia ke Negara Brunei Darussalam, Dr. Pribadi Sutiono.

Hadir menyaksikan Mini Draw bagi Republik Indonesia ini ialah Pengarah Belia dan Sukan, Awang Haji Abdul Malik bin Haji Mohammad.

Juga hadir ialah Timbalan Presiden NFABD, Yang Dimuliakan Pehin Datu Inderasugara Brigedier Jeneral (B) Dato Paduka Awang Haji Mohammad Yusof bin Abu Bakar, selaku Pengerusi Teknikal Jawatankuasa Kerja kejohanan tersebut.

Kejohanan anjuran Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dengan kerjasama NFABD ini akan menggunakan tiga 'venue' iaitu Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Padang dan Balapan dan Kompleks Sukan Berakas.



PENGARAH Belia dan Sukan, Awang Haji Abdul Malik bin Haji Mohammad bergambar ramai sejurus menyaksikan cabutan bagi pemilihan kumpulan pasukan Republik Indonesia bagi Kejohanan Bola Sepak Belia ASEAN - Trofi Hassanal Bolkiah (HBT).

Pertahankan nikmat keamanan



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika mengurniakan Titah Perutusan Sempena Hari Raya Aidilfitri Tahun 1435 Hijriah / 2014 Masihi yang disiarkan melalui Radio dan Televisyen Brunei.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin 28 Julai. - Kewajipan kita, berazam untuk memelihara dan mempertahankannya sampai bila-bila kerana ia adalah aset untuk dinikmati, bukan saja oleh kita pada

Oleh : Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor,
Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Masri Osman

hari ini, malahan juga oleh generasi akan datang sambung bersambung.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah, kerana tanpa keamanan dan kesejahteraan, hidup akan hambar dan tidak mungkin untuk mengesap kebahagiaan.

Kebawah DYMM bertitah demikian dalam Titah Perutusan Sempena Hari Raya Aidilfitri Tahun 1435 Hijriah / 2014 Masihi yang disiarkan melalui Radio dan Televisyen Brunei.

"Adalah tidak adil rasanya, jika kita sendiri saja yang asyik menikmati keadaan aman dan sejahtera itu, sedangkan saudara-saudara kita di luar sana ada yang tidak dapat menikmatinya, kerana negara mereka sedang mengalami pelbagai kekacauan ataupun peperangan atau bencana yang datang dengan tiba-tiba," titah baginda.

Baginda bertitah menekankan,

kepada mereka itu kita huluskan simpati yang mendalam serta doa, semoga situasi akan segera bertukar kepada yang lebih baik hendaknya.

Kebawah DYMM juga bertitah mengambil kesempatan di saat yang mulia ini, baginda dan keluarga baginda dengan ikhlas lagi sukacita mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada sekalian rakyat dan penduduk di mana jua mereka berada, semoga kita sama-sama dapat menyambut hari bahagia ini dalam suasana riang gembira.

Jangan membelakangi ugama

Dari muka 1

Ini dapat dikesan daripada keadaan-keadaan yang ada, di mana di seluruh pelusuk dunia ini, telah sedia wujud kejadian-kejadian yang menggugat keamanan dan kesejahteraan itu. Selain daripada fenomena alam yang datang bertali arus, juga krisis-krisis dalaman yang mencetuskan pelbagai kekacauan, sangat berpotensi untuk menghancurkan keamanan dan kesejahteraan itu lebih-lebih jika di dalam sesebuah negara itu sedang bersarang gejala sosial, terutama sekali gejala jenayah, maka tidak syak lagi, ia akan menjadi ancaman kepada keselamatan, keamanan dan bahkan nyawa.

Baginda melahirkan kesyukuran di negara kita perkara-perkara ini tidaklah berlaku. Tiada sesuatu pun yang boleh dianggap mengganggu keamanan. Semuanya adalah berjalan dengan baik belaka, dengan rakyat pula sentiasa bersatu padu tanpa sebarang pertelagahan.

Jika semuanya itu dengan ugama, titah baginda, maka sudah pasti tidak akan ada lagi satu ruang pun untuk diisi atau ditempati oleh *keburukan*.

"Bukankah suasana tidak aman atau huru-hara atau kacau-bilau atau jenayah itu satu keburukan? Semuanya ini, oleh ugama, adalah tidak dibenarkan berlaku, malah mesti diatasi atau dicegah daripada berlaku," tegas baginda lagi.

DYTM berangkat ke Majlis Penyerahan Piala Singapura Starhub



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Pengerusi Kelab Bolasepak Brunei DPMM FC berkenan menerima Piala Liga Singapura StarHub yang disumbangkan oleh Naib Pengerusi Kelab Bolasepak DPMM FC, Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad Pengiran Anak Haji Abdul Rahim bin Pengiran Indera Mahkota Pengiran Anak (Dr.) Kemaludin Al-Haj.

JERUDONG, Isnin, 28 Julai. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Pengerusi Kelab Bolasepak Brunei DPMM FC berkenan berangkat ke Majlis Penyerahan Piala Liga Singapura

Starhub 2014 yang dimenangi oleh Brunei DPMM FC.

Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia di Stadium Mini Jerudong dijunjung oleh Naib Pengerusi Kelab Bolasepak DPMM FC, Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad Pengiran Anak Haji Abdul Rahim bin Pengiran Indera Mahkota Pengiran Anak (Dr.) Kemaludin

Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman
Foto : Masri Osman

Al-Haj dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah.

Di majlis tersebut DYTM berkenan menerima Piala Liga Singapura StarHub yang di sumpangkan oleh Naib Pengerusi Kelab Bolasepak DPMM FC, Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja

Sahibul Irshad Pengiran Anak Haji Abdul Rahim.

Sejurus selepas itu, DYTM juga telah berkenan menyaksikan tayangan video perlawanan akhir piala liga yang dijuarai oleh Brunei DPMM FC setelah menumpaskan Tanjong Pagar United FC dengan jaringan 2-0.

Gol-gol kemenangan Brunei DPMM FC dijaringkan oleh Boris

Raspudic pada minit ke-35 dan Adi Said pada minit ke-47.

Sebelum berangkat meninggalkan majlis, DYTM berkenan bagi sesi bergambar ramai bersama pasukan Brunei DPMM FC dan seterusnya berkenan menerima junjung ziarah daripada pemain dan pihak pengurusan pasukan Brunei DPMM FC.

Brunei DPMM FC menjulang Piala Liga Singapura Starhub ini buat kali ketiga sejak yang pertama pada tahun 2009 dan diikuti kali kedua tiga tahun kemudian iaitu 2012 dan tahun lalu menjadi naib juara.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di JPM berkenan bagi sesi bergambar ramai bersama pasukan Brunei DPMM FC.

'ELAKKAN PEMBAZIRAN SEMASA MERAIKAN AIDILFITRI'

دتریتکن اوله جباتن فنراغن، جباتن فردان منتري دان دچیتق اوله جباتن فرجیتقن کراجان، نکارا بروني دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.